


Jilid III  
Bil. 17



MALAYSIA

Hari Rabu  
30hb Januari, 1974

# PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA

*SENATE*

PARLIMEN KETIGA

*Third Parliament*

PENGGAL PARLIMEN KETIGA

*Third Session*

## KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 1417]**

**USUL:**

**Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua  
[Ruangan 1425]**

DICETAK OLEH

MOHD. DAUD BIN ABDUL RAHMAN, J.S.M., KETUA PENGARAH PERCETAKAN  
SEMANANJUNG MALAYSIA, KUALA LUMPUR

1974

MALAYSIA  
PARLIMEN YANG KETIGA—DEWAN NEGARA

*Penyata Rasmi*

PENGGAL YANG KETIGA

---

Hari Rabu, 30hb Januari, 1974

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N. (Dilantik).
- .. Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., P.J.K. (Dilantik).
- .. Menteri Kebajikan Am. PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- .. TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N., S.M.J. (Johor).
- .. TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- .. DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- .. TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- .. TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- .. / TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, P.M.K., J.P. (Kelantan).
- .. TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- .. DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- .. DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- .. TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- .. DATO' J. E. S. CRAWFORD, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- .. PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. AWANG DAUD BIN MATUSIN (Dilantik).
- .. TUAN HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID (Dilantik).
- .. / DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantik).
- .. TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- .. DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- .. DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- .. TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- .. TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- .. TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- .. TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantik).
- .. DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMED, P.G.D.K. (Sabah).
- .. / TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- .. TUAN LEW SIP HON (Dilantik).
- .. DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- .. DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- .. TUAN G. LOUIS, J.P. (Dilantik).
- .. DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kedah).
- .. DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- .. TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- .. DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).
- .. TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- .. TUAN OOI ENG HONG (Kedah).
- .. TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- .. DATUK TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
- .. TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- .. DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
- .. WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- .. TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- .. TUAN YEAP KHENG YAM, P.J.K. (Perak).
- .. TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan, TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).

Yang Berhormat DATUK KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).

- .. TAN SRI MOHD. NOOR TAHIR (T.H.) TAN. P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- .. DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- .. DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Dilantik).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).

- .. Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- .. Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara, Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha, A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar Shariff bin Md. Saad.

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-kan Mesyuarat*)

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

#### “BERAS PLASTIK”

1. **Dr Lim Ah Sitt** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar akan suatu lapuran bahawa “beras plastik” telah dicampurkan dengan beras biasa di kalangan penjual-penjual beras di beberapa daerah di Negeri Perak; jika sedar, apakah tindakan-tindakan yang sesuai telah diambil untuk mencegah amalan ini dan samada orang yang bersalah itu telah diketahui dan didakwa.

**Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang disoal itu ada tersiar dalam suratkhabar. Tidak ada lapuran disampaikan kepada Kerajaan untuk tindakan, akan tetapi dari penyiasatan yang telah dijalankan tidak ada bukti perkara ini benar-benar berlaku.

#### HARGA BARANG-BARANG

2. **Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bila harga barang-barang dapat diturunkan kepada harga biasa.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak dapat memastikan bilakah harga barang-barang pada keseluruhannya dapat diturunkan. Ini ialah disebabkan oleh beberapa faktor yang kompleks yang telah dijelaskan oleh Kerajaan beberapa kali samada di luar atau di dalam Dewan Rakyat dan saya sendiripun telah menerangkan sedikit-sebanyak pada hari semalam.

Kenaikan harga yang sedang menjadi-jadi sekarang adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang begitu kompleks. Kebanyakan daripadanya ialah di luar kuasa kita untuk mengawalinya. Faktor-faktor ini termasuklah inflasi secara besar-besaran di dunia dan kegagalan tanaman-tanaman pada tahun yang lalu. Walau

bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk mengawal kesan-kesan inflasi itu. Memandang kepada kaitan keadaan inflasi di negeri kita dengan inflasi dunia keseluruhannya, maka asas untuk memperbaiki keadaan ini ialah bergantung kepada pergolakan ekonomi dunia keseluruhannya. Ini termasuklah juga langkah-langkah yang sedang dijalankan di dalam negeri kita seperti yang jelas didapati di dalam pelaksanaan dasar perindustrian kita dan pertanian di negeri kita.

#### GAJI PEKERJA-PEKERJA KILANG

3. **Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa setengah-setengah kilang membayar pekerja-pekerja mereka kurang daripada \$1.50 sehari yang dianggap sangat rendah jika dibandingkan dengan belanja hidup pada masa sekarang, dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menentukan supaya pekerja-pekerja ini menerima gaji minima yang berpatutan.

**Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru (Datuk Lee San Choon):** Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa di beberapa buah kilang-kilang kadar-kadar gaji adalah rendah, terutamanya gaji-gaji bagi pengambilan-pengambilan baharu ataupun mereka yang tidak mahir. Tindakan adalah sedang diambil secara pentadbiran untuk menggesa majikan-majikan tersebut terutama mereka yang telahpun diberi masa yang cukup untuk menguatkan kedudukan mereka dan yang mampu dari segi kewangan untuk membayar gaji-gaji yang berpatutan.

#### BANK PERDAGANGAN— PINJAMAN KEPADA BUMIPUTRA

4. **Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob (di bawah S.O. 23 (2))** minta Menteri Kewangan menyatakan samada Bank Negara bercadang untuk mengeluarkan satu senarai nama syarikat-syarikat bumiputra yang boleh dimajukan dan diperbesarkan sebagai perniagaan dan perusahaan yang besar yang boleh diberi bantuan penuh oleh bank-bank perniagaan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat):** Tuan Yang di-Pertua, sungguh pun Bank Negara telah mendesak bank-bank perdagangan menambahkan pinjaman kepada bumiputra, Bank Negara tidaklah bertujuan hendak mengeluarkan satu senarai nama syarikat-syarikat bumiputra seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat oleh kerana Bank Negara tidak mempunyai kebolehan mengkaji dengan sedalam-dalamnya kedudukan dan perjalanan syarikat-syarikat bumiputra. Selain daripada itu masalah ini bukanlah menjadi tugas Bank Negara.

### PENANAM MODAL ASING

**5. Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) bilangan penanam modal asing yang menanam modal melalui syarikat-syarikat bumiputra, dan
- (b) bilangan penanam modal asing yang menanam modal melalui syarikat-syarikat bukan bumiputra dan dari bilangan ini, berapa banyakkah yang dibuat melalui syarikat-syarikat asing yang sedia ada.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, syarikat bumiputra ditakrifkan sebagai syarikat-syarikat yang mengandungi lebih dari 50% iquitu bumiputra dalam jumlah iquitinya.

Mengikut takrif di atas, 19 penanam modal asing telah diluluskan untuk menanam modal melalui syarikat-syarikat bumiputra semenjak tahun 1971 hingga November, 1973. Di samping itu syarat-syarat telah dikenakan kepada semua syarikat-syarikat bukan bumiputra yang diluluskan supaya mengkhaskan 30% daripada iquitu untuk bumiputra. Semenjak tahun 1971 hingga November, 1973 sebanyak 1,105 buah syarikat telah diluluskan. Ini termasuklah 397 buah syarikat bukan bumiputra dalam mana penanam modal asing telah diluluskan untuk melabur modal mereka.

Perangkaan berkenaan dengan penanam modal asing yang menanam modal melalui syarikat-syarikat asing yang sedia ada tidak terdapat. Tetapi semenjak tahun 1971 hingga November, 1973, Kerajaan telahpun meluluskan 79 syarikat-syarikat yang mempunyai 100% modal asing. Asas-asas penting

bagi pemberian kelulusan syarikat-syarikat ini ialah pengeluaran yang bertujuan untuk eksport dan penggunaan buruh yang intensif.

### DUTI IMPOT—PENGECCUALIAN

**6. Tuan Chua Ching Cheng** minta Menteri Kewangan menyatakan samada Kerajaan akan mengecualikan cukai-cukai impot dan eksais ke atas kenderaan yang digunakan bagi pengangkutan awam seperti bas, bas sekolah dan teksi untuk menggalakkan pengusaha-pengusaha kenderaan ini selalu menukarkan kenderaan mereka dan dengan demikian menjamin mutu pengangkutan awam yang baik dan keselamatan penumpang.

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal pengecualian duti impot, pertimbangan tidaklah dapat diberi kerana duti ini adalah bertujuan untuk melindungi perusahaan pemasangan kereta motor tempatan yang mana sekarang ini mengeluarkan bas dan lori untuk pasaran tempatan. Berkenaan dengan duti eksais pula, suka saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa duti yang dikenakan ialah 15% untuk bas dan 25% serendah-rendahnya untuk teksi. Duti-duti ini adalah rendah dan dibayar sekali sahaja dan oleh itu tidaklah patut menjadi satu beban kepada syarikat-syarikat atau pengusaha-pengusaha. Jika pengecualian diberi sekali pun, ianya tidak akan mencapai matlamat yang diharapkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, iaitu menjamin mutu pengangkutan awam yang baik serta keselamatan penumpang-penumpang tetapi akan hanya membanyakkan keuntungan mereka dan akibatnya akan merugikan banyak hasil yang sangat-sangat diperlukan oleh Kerajaan. Oleh sebab-sebab itu Kerajaan tidaklah dapat menimbangkan pengecualian duti atas kereta-kereta motor.

**Dr Mahathir bin Mohamad:** Soalan tambahan. Saya ingin tahu samada Kerajaan akan menggalakkan impot ataupun assembly lori-lori untuk negara kita, kerana saya diberitahu bahawa lori-lori tidaklah cukup di dalam negara kita ini dan bila pesanan dibuat untuk lori-lori baru, mereka yang memesan itu terpaksa menunggu sehingga 9 bulan barulah dapat lori-lori ini. Ini disebabkan oleh sekatan ke atas impot lori ini untuk assembly di dalam negara kita.

**Datuk Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini adalah untuk Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, tetapi walau macam manapun, perkara membuat lori-lori ini telahpun dijalankan juga di negara kita ini dan mengenai kedudukan masalah kekurangan lori yang kita hadapi pada hari ini masalah ada di dalam pandangan Kerajaan.

### INFLASI—GAJI MINIMA PEKERJA KILANG

**7. Tuan Chua Ching Cheng** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa akibat dari inflasi, belanja sara hidup pada masa sekarang telah naik, dan jika ya, samada beliau bercadang untuk menetapkan gaji minima pekerja-pekerja kilang yang bekerja di kilang-kilang bertaraf perintis sebanyak \$4 sehari.

**Datuk Lee San Choon:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dengan sepenuhnya sebagai akibat inflasi belanja sara hidup pada masa ini telah bertambah. Walau bagaimana pun, di peringkat pembangunan kita pada masa ini perundingan untuk pembayaran gaji minima adalah tidak bijak. Saya sedar bahawa beberapa kilang-kilang taraf perintis yang baru ditubuhkan membayar pekerja-pekerja mereka yang baharu diambil gaji-gaji yang rendah. Dalam keadaan-keadaan begini, Kementerian saya telah sentiasa menggesa majikan-majikan yang berkenaan supaya membayar gaji yang berpadanan dan elaun-elaun bantuan khas untuk meringankan bebanan kepada pekerja-pekerja. Saya gembira menyatakan bahawa sambutan mereka adalah memuaskan.

### JAMBATAN TEMERLOH

**8. Datuk Mansor bin Mohamad** minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan mengapa tiang Jambatan Temerloh di sebelah Bandar Temerloh tumbang sebelum diletak besi-besi untuk lantainya dan siapakah yang bertanggungjawab di atas perkara ini.

**Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di-Pertua, sebatang tiang bagi biadak yang menghalau ke Jambatan Temerloh telah

rebah akibat dari runtuhnya tanah "embankment" jalan yang sedang dibina oleh J.K.R. Keruntuhan tanah ini adalah berpunca dari kemendapan di bawah tanah; meskipun tanah-tanah tersebut telah dipadatkan oleh "embankment" yang telah hampir siap, "box girders" dan mesin-mesin kelengkapan yang lain selama beberapa bulan. Keadaan tanah yang kurang baik serta jangkamasa untuk menyiapkan projek ini juga adalah faktor-faktor lain yang menyebabkan kemendapan berlaku di bawah tanah itu.

### JALANRAYA PERSEKUTUAN— PENYENGGARAAN

**9. Datuk Mansor bin Mohamad** minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan dalam bulan-bulan apakah peruntukan bagi membaiki jalanraya diberi kepada Jabatan Kerja Raya Negeri-negeri.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, biasanya satu pertiga daripada peruntukan penyenggaraan Jalanraya Persekutuan adalah dikeluarkan pada awal bulan Januari tiap-tiap tahun. Baki bagi peruntukan itu akan diberi kemudian setelah Parlimen meluluskan Belanjawan bagi satu-satu tahun.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin:** Soalan tambahan. Adakah bermakna jikalau sesuatu jalan itu telah rosak atau jambatan bersangkutan dengan jalan itu rosak, maka peruntukan tidak boleh diadakan untuk membina jalan ataupun jambatan itu. Umpamanya, satu jalan yang rasa saya sudah hampir setahun rosak di Batu 6½, Jalan Gombak, sampai sekarang ini belum dibinakan. Adakah oleh kerana peruntukan belum diluluskan atau bagaimana?

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu membawa perkara ini kepada saya bolehlah saya periksa, tetapi setakat ini tidaklah saya teringat semua jambatan-jambatan atau jalanraya yang rosak di seluruh negara kita, sudahkah ada peruntukan, tetapi perkara itu saya akan siasat.

### JALANRAYA—PENYENGGARAAN

**10. Datuk Mansor bin Mohamad** minta Menteri Kerjaraya dan Tenaga menyatakan

mengapa masih menjadi amalan Jabatan Kerjaraya Trengganu membaiki jalanraya di bandar-bandar pada tiap-tiap akhir tahun, pada hal telah menjadi pengetahuan umum bahawa dari bulan Oktober hingga Januari ialah musim tengkujuh di Pantai Timur, dan ini menambahkan perbelanjaan.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, penyenggaraan jalanraya baik di bandar mahupun di lain-lain tempat adalah dilaksanakan dari masa ke semasa mengikut keperluan dan kemampuan J.K.R. dan tidaklah menjadi amalan kita untuk menjalankan penyenggaraan ini di musim tengkujuh seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Jika ada kejadian seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah terjadi ini adalah perlu dilakukan untuk mengawal daripada kerosakan jalanraya-jalanraya akibat musim tengkujuh daripada menjadi bertambah buruk.

Walau bagaimanapun, saya akan mengambil tindakan untuk memberi ingatan kepada pegawai-pegawai yang berkenaan supaya penyenggaraan jalanraya tersebut dapat dijalankan sebelum musim tengkujuh yang akan datang.

### KILANG-KILANG DI TANJONG AGAS, MUAR

**11. Dr Lim Ah Sitt** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sebab-sebab kemajuan yang tidak begitu giat di dalam memperuntukkan khidmat asas dan kemudahan-kemudahan lain bagi mendirikan kilang-kilang di kawasan perindustrian Tanjong Agas, Muar;
- (b) bilangan pemohon-pemohon yang telah memohon untuk mendirikan kilang-kilang, bilangan yang telah diluluskan dan bilangan yang telah ditolak; dan
- (c) bilakah khidmat asas bagi tapak perindustrian akan disempurnakan dan apakah kilang-kilang yang akan didirikan di sana dan bila.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kemudahan-kemudahan prasarana atau infrastructure dan lain-lain kemudahan untuk mendirikan kilang-kilang di

kawasan Tanjong Agas, Muar telahpun disediakan dan adalah memadai untuk keperluan permulaan kawasan perusahaan itu. Muar adalah disambungkan kepada Gerid Letrik Negara dan kabel-kabel telahpun dipasang di kawasan perusahaan itu untuk mendapatkan kuasa letrik yang diperlukan. Pada masa ini air dibekalkan dari kolam air Tangkak dan buat permulaan kira-kira 320,000 gelen sehari sedia ada.

Lebih daripada 20 pasang kawat talipon sekarang diadakan untuk menampung keperluan permulaan.

Sungguhpun kawasan ini terpencil dari pelabuhan-pelabuhan dan pasar-pasar besar dan terdapat kekurangan faedah-faedah berbanding dengan kawasan-kawasan perusahaan lain yang lebih menarik, terutamanya di Melaka, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (L.K.P.P.) sentiasa menggalakkan pelabur-pelabur mendirikan projek-projek mereka di kawasan Perusahaan Tanjong Agas. Sebagai satu galakan tambahan, Kerajaan telah mengistiharkan kawasan perusahaan itu sebagai "kawasan pembangunan" yang mana kilang-kilang yang ditempatkan di kawasan itu adalah layak mendapat galakan-galakan cukai tambahan (tax incentives).

- (b) Setakat ini, 13 permohonan telah diterima oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Johor untuk mendirikan kilang-kilang di kawasan Perusahaan Tanjong Agas dan 12 telahpun diluluskan pada dasarnya, sementara 1 telah ditolak kerana mungkin menimbulkan kekontoran udara (pollution) 12 buah kilang yang akan didirikan ialah:

<i>Nama</i>	<i>Barang-barang yang dikilang</i>
(1) Kinko Steellmill Factory Sdn. Bhd.	Paip dan pasangan besi tuangan.
(2) Muar Engineering Co.	Penghancor isi kelapa sawit, pengasingan minyak kelapa, pengegelek giar.
(3) Orbit Electronic (M) Sdn. Bhd.	Kapasitor letronik.
(4) Johor Fibreglass ...	Topi keledar.
(5) Phung Ah How ...	Barang-barang pelastik.

Nama	Barang-barang yang dikilang
(6) Wong Kim Choon ...	Perabut, rangka-rangka tingkap dan pintu, rumah.
(7) Hoe Heng Engineering Work	Kerja-kerja pembaikkan.
(8) Lew On Pin ...	Peti sejuk dan kabinet-kabinet menyimpan fail.
(9) Kian Hup Lee Chan ...	Barang-barang kelapa sawit.
(10) Geh Huat Iron Foundry	Pintu pagar besi, pagar, membaiki alat-alat logam.
(11) Pertama Knitting ...	Barang-barang kain.
(12) S.G.S. Ates (M) Sdn. Bhd.	Transister dan litar bercantum.

Kilang-kilang yang dinyatakan itu dijangka akan mulakan pembinaannya masing-masing dalam tahun ini.

(c) Berdasarkan jawapan (a) dan (b) maka soalan (c) tidak timbul.

## USUL

### KAJIAN SEMULA PERTENGAHAN PENGAL RANCANGAN MALAYSIA KEDUA

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Usul dikemukakan oleh Peguam Negara dan Masaalah dicadangkan:

Bahawa Dewan ini, *sambil menyedari* kejayaan cemerlang dalam masa tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Kedua dalam usaha-usaha untuk mencapai dua matlamat utama Dasar Ekonomi Baru iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat Malaysia bagi memperibadikan jurang perbezaan ekonomi antara kaum, *meluluskan* Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua, dengan peruntukan-peruntukan perbelanjaan pembangunan awam yang dikaji semula bagi tujuan memenuhi matlamat-matlamat yang telah bertambah dari segi ukuran-ukuran dasar dan rancangan-rancangan pembangunan sebagaimana yang tercatat dalam Kertas Perintah No. 44 tahun 1973.

Bahawa, *sambil meluluskan* Kajian Semula Rancangan ini, Dewan *menyeru* agar semua rakyat Malaysia dari semua lapisan hidup dengan sepenuh azam akan membaharui dedikasi dan melibatkan diri mereka dalam usaha yang penuh cabaran

ini bagi menentukan kejayaan sepenuhnya matlamat Rancangan Malaysia Kedua serta Dasar Ekonomi Baru dan dengan ini akan mewujudkan satu masyarakat yang adil dan saksama dan satu negara yang bersatu dan maju yang seharusnya dapat kita semua rakyat Malaysia banggakan dalam memberi perkhidmatan dan mempertahankan, sebagaimana yang dikehendaki oleh Rukunegara. (29hb Januari, 1974).

*Perbahasan disambung semula.*

2.54 ptg.

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai menyambung ucapan saya pada hari kelmarin, saya sukacita hendak membuat kesimpulan daripada apa yang telah saya cakapkan iaitu walau bagaimana sekalipun kejayaan yang mesti kita akui bahawa kita telah berjaya dalam separuh masa ini akan tetapi inflasi yang berlaku begitu hebat menimbulkan kesan yang tidak ada apa-apa kepada mereka yang tidak dapat merasai perubahan hidup akibat daripada inflasi itu sendiri.

Kajian yang dilakukan semula ini adalah satu perbuatan yang sangat baik dan patut sangat dihargakan. Sewaktu Dewan yang mulia ini membahaskan Rancangan Malaysia Yang Kedua, saya telah menyuarakan pendapat dalam Rumah yang mulia ini supaya kalau boleh tiap-tiap tahun dibawa kembali ke Dewan ini untuk dikaji semula. Walau bagaimana sekalipun, walaupun sampai tiga tahun dia adalah lebih baik daripada tidak ada sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, daripada Jadual 2 (i) yang dapat dibaca oleh Ahli-ahli Dewan menunjukkan kedudukan pendapatan dan saya tidak mahu membaca data yang ditunjukkan di Jadual 2 (i) oleh kerana dia menunjukkan sesuatu yang menyedihkan dan Kerajaan berazam, saya percaya seluruh rakyat menyokong usaha-usaha yang sedang dilaksanakan untuk memperbaiki keadaan ini supaya keadaan ini tidak akan berterusan. Akan tetapi, dari apa yang kita alami sekadar beberapa tahun ini, usaha yang dilakukan bersungguh-sungguh oleh Kerajaan di dalam berbagai lapangan membelanjakan ribuan juta ringgit oleh Kerajaan Pusat, Kerajaan-kerajaan Negeri dan badan-badan berkanun tetapi oleh kerana inflasi dan oleh kerana

tidak seluruh atau 100% berlaku kejujuran dalam pelaksanaan, maka yang tentunya rakyat tidak merasa perubahan-perubahan yang kita rasa berdasarkan kepada penyata ulang kaji ini. Itulah sebab sungutan-sungutan ditimbulkan dan ini mesti dicari jalan keluar untuk mengatasinya daripada berlaku sampai kepada satu keadaan yang sangat merumitkan.

#### *Harga Barang-barang*

Saya khawatir, walaupun kita mempunyai bukti-bukti kejayaan kita, tetapi oleh adanya keadaan yang nyata dalam negara kita, kenaikan harga barang sampai kepada peringkat lebih dari 100% yang mana sebagai rakyat yang menjadi pegawai Kerajaan mendapat tambahan gaji kerana kenaikan harga barang, tetapi tambahan yang mereka dapati itu tidak dapat menolong kenaikan harga barang yang naiknya melampaui batas. Dengan pendapatan yang belum berubah daripada pekerja-pekerja kilang, pendapatan petani-petani dan pekerja-pekerja sambilan dari semua apa yang mereka dapat cari seperti rezki mereka yang tidak dapat bertambah banyak, tidak dapat berhadapan dengan kenyataan kenaikan harga barang yang melambung begini sekali. Saya khawatir, dan kekhuatiran ini hendaklah kita sedari bersama iaitu Kerajaan hendaklah berikhtiar dengan keseluruhan keikhlasan dan kejujuran supaya jangan terjadi dalam negara kita revolusi sosial akibat daripada hal-hal yang seperti sekarang ini. Memang sudah diura-urakan sebelum saya datang dari Kelantan ke Kuala Lumpur ini beberapa hari yang lalu, percubaan-percubaan untuk menunjuk perasaan kerana tidak tahan dengan kenaikan harga barang telah dicuba di Kota Bharu.

Kawalan yang cukup ketat telah mengelak kejadian itu berlaku, tetapi kawalan-kawalan yang cukup ketat sehingga dapat mengelak kejadian demonstrasi di Kota Bharu tidak bererti dapat menyejukkan jiwa manusia yang menderita. Dalam surat-khabar, kalau saya tidak salah, hari ini atau semalam atau kelmarin ada lagi di Ibukota kita akan diadakan demonstrasi terhadap kilang-kilang atau pengeluaran-pengeluaran barang yang terlalu meninggikan harga barang. Saya menyatakan sebarang demonstrasi yang kalau adapun tidak akan mengubah keadaan, tidak akan menimbulkan

kacau-bilau di negara kita, tetapi kalau keadaan ini digunakan, diambil kesempatan oleh golongan-golongan yang memang sengaja menunggu-nunggu peluang bagi menghancurkan seluruh structure masyarakat kita, yang sekarang mereka bergerak secara illegal, lambat-laun kita akan berhadapan dengan satu keadaan yang rumit yang boleh dikatakan revolusi sosial yang akan merosakkan dan meruntuhkan seluruh usaha pembangunan kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk itu langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan memang saya hargakan, tetapi saya mengharapkan kita lebih berani bergerak dengan cara evolusi—lebih berani kita bergerak dengan cara evolusi, lebih berani bererti lebih tegas, kalau sudah kita yakin dengan cara ini kita berevolusi kita akan berjaya ke satu matlamat. Jadi, jangan dibiarkan sesiapa juga menghalang kerana kepentingan nafsu mereka, dan keberanian-keberanian kita melaksanakan evolusi sosial dengan mempunyai matlamat. Biasanya, di dalam politik international tidak diizinkan oleh kapitalis-kapitalis, pemerintah itu mengadakan satu-satu perubahan yang mereka nampak akibatnya merugikan sedikit-sebanyak kepentingan mereka. Maka tentulah akan berlaku campurtangan pemodal-pemodal asing dan pemodal-pemodal dalam negeri yang mempunyai kepentingan-kepentingan yang tertentu supaya jangan berlaku perubahan-perubahan yang mungkin merugikan mereka. Dan tidak mustahil berlaku campurtangan-campurtangan negara asing kerana perubahan politik dan perubahan ekonomi, maka akan berlaku juga perubahan-perubahan lain yang ada hubungan satu sama lain, dan kadangkala apa yang dikatakan invisible government juga akan campurtangan dalam negara-negara lain bagi kepentingan negara mereka sendiri. Kerajaan mesti berani menghadapi dan Kerajaan hendaklah melaksanakan evolusi sosial dengan cara berani dan cara tegas sambil bersedia menghadapi segala kegiatan hasutan kapitalis-kapitalis yang tamak, dan ini mesti ada. Saya akan bercakap lagi dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, di dalam maksud kita menyusun semula masyarakat negara kita ini.

#### *Saham Syarikat*

Tuan Yang di-Pertua, di muka 98 kita dapat melihat satu data lagi, Jadual 4-7 mengenai dengan Hakmilik Modal Saham

Syarikat-syarikat. Saya juga tidak mahu membaca angka-angkanya. Di sini ditunjukkan kedudukan yang zahir. Jumlah yang ada, apa yang ada, jumlah peratus orang-orang yang dikatakan bumiputra—1.9%, yang kita mahu bertanya pula angka-angka ini angka yang paling minimum usaha-usaha sedang dibuat untuk sampai kepada matlamat sehingga kepada tahun 1990, tetapi yang kita ingin bertanya berapa peratus orangnya di dalam apa yang dikatakan peratus saham. Ini perkara besar, sebab kalau terlalu sedikit jumlah orang bumiputra di dalam perkembangan penanaman saham atau pengaliran modal yang matlamat peratusnya tinggi sampai 30.8 sehingga tahun 1990 tetapi peratus orang Melayu, orang bumiputra itu sedikit, ini akan sangat mengecewakan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kerana perkara ini dalam proses, saya tidak dapat menjadi "Pak Belalang" untuk menujumkan, cuma yang saya harapkan Kerajaan cuba membidankan supaya lahir kedudukan yang betul-betul menasabah dan sempurna dari segi peratus orang bumiputra di dalam peratus pemegangan saham.

Di dalam kedudukan ini nyatalah sangat penting sekali kesedaran seluruh rakyat di samping kesedaran pemerintah atau Kerajaan mengenai dengan usaha Penyusunan Semula Masyarakat yang kita katakan Masyarakat Adil, kalau ini dapat dimengertikan dan difahami dengan jujur dan ikhlas berdasarkan kepada data-data yang ditunjukkan, tidaklah akan timbul keluhan atau sungutan orang-orang bukan bumiputra tidak diberi layanan atau rampasan hak-hak bukan bumiputra di dalam usaha untuk mendekatkan jurang antara kaum yang sedang dilakukan di negara kita ini.

#### *Civic*

Buku ini menghuraikan Penyusunan Semula Masyarakat, di muka 10; huraian ini sudah cukup jelas dan bagaimana Kerajaan mahu mengatasi, sudah tentu diperlukan usaha-usaha civic yang lebih luas. Kita boleh mempergunakan semua balairaya-balairaya yang pihak saya sendiri pernah bercakap di dalam Dewan yang mulia ini, sewaktu masih sebagai Pembangkang dan pihak Kerajaan juga memahami setengah-tengah balairaya itu menjadi tempat kambing berasmara, kata saya dulu, kita gunakan ini semuanya sebagai tempat perhimpunan untuk mendekatkan golongan-golongan masyarakat yang berada

di satu tempat supaya mereka dapat memahami betul-betul tujuan-tujuan Kerajaan dalam apa yang dikatakan Dasar Ekonomi Baru, dalam apa yang dikatakan Penyusunan Semula Masyarakat dan sebagainya. Kalau ini dimengertikan mudah-mudahan tidak akan berlaku perasaan tidak puas dengan cara tidak tentu-hala, lainlah sengaja diusahakan oleh mereka yang ingin menimbulkan kacau-bilau di dalam negara kita bagi maksud politik mereka sendiri.

#### *Bumiputra dalam Perdagangan dan Perindustrian*

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada langkah Kerajaan ialah hendak memasukkan golongan bumiputra di dalam lapangan perdagangan dan perusahaan. Dasar ini atau tujuan ini mempunyai matlamat dan sekarang sedang bergerak sedikit demi sedikit. Bercakap tentang perniagaan ertinya memasukkan bumiputra di dalam lapangan perniagaan di kota-kota, di bandar-bandar, di celah-celah di antara kedai-kedai yang selama ini dipunyai oleh bukan bumiputra. Maksudnya supaya kelihatan bentuk masyarakat baru, bentuk perekonomian yang baru, bentuk perniagaan yang baru dan bentuk bandar-bandar atau bandaraya kita yang baru sehingga pelancung-pelancung yang datang ke negeri kita dapat melihat bentuk masyarakat Malaysia yang multi-racial di mana mereka berada di mana-mana sama dan tidak ada sekelompok yang berbeza dan sekelompok lain yang berbeza pula.

Bercakap sebagai teori untuk memasukkan orang-orang bumiputra di dalam lapangan perdagangan adalah mudah, tetapi melaksanakannya tidaklah semudah teori yang diharapkan itu. Saya boleh membawa contoh misalnya di Kuala Lumpur, pusat-pusat membeli-belah telah ditubuhkan dan dibangunkan di beberapa tempat dan adalah menjadi tujuan kita pada masa yang akan datang untuk memperbanyakkan pusat-pusat membeli-belah atau shopping complex. Tetapi pengusaha-pengusaha apa yang dikatakan pusat membeli-belah itu mempunyai matlamat, ertinya mengembalikan wang modal bagi pembinaan bangunan-bangunan itu, ditambah dengan keuntungan yang menasabah atau lebih dari menasabah daripada jualan atau penyewaan. Bagi orang-orang yang mampu boleh berusaha membeli

blok-blok atau lot demi lot di dalam pusat-pusat membeli-belah tetapi mereka tidak berniat untuk berniaga sebagai apa yang dimaksudkan oleh Kerajaan bagi membantu orang Melayu atau bumiputra masuk di dalam lapangan perdagangan. Mereka mempunyai kewangan atau kesempatan untuk berbuat begitu iaitu membeli lot-lot kedai di pusat-pusat membeli-belah dan apabila mereka membeli mereka pula mahu menyewakannya dengan sewaan yang tentunya mendapat keuntungan supaya dapat membayar bayaran ansuran harga, ditambah keuntungan kepada mereka sendiri. Jadi orang-orang yang dikatakan bumiputra yang mahu masuk di lapangan itu secara bersendirian atau melalui UDA akan berusaha mendapatkan tempat-tempat perniagaan di dalam pusat-pusat membeli-belah itu yang sewanya telah ditetapkan begitu tinggi, sebab seharusnya begitu kata mereka. Kalau ground floor, first floor, second floor, third floor atau tingkat bawah, tingkat satu, dua dan tiga sewanya mesti begini—ada percentagenya.

Pada mereka sudah cukup menasabah, tetapi pada pedagang ini atau peniaga bumiputra—dalam soal ini bukan mengenai bumiputra sahaja, yang bukan bumiputra pun sakit sekarang ini—yang terpaksa menyewa dengan sewaan yang begitu tinggi, yang mesti memakai salesgirl, yang mesti membayar api kerana semua masa berniaga itu mesti dibuka lampu oleh kerana tempat itu gelap, yang harus membayar service charge kerana air-conditioned lift dan sebagainya, kadang-kadang memakan ongkos perbelanjaan sampai lebih \$1,000 sebulan bagi satu lot yang kecil yang sewaanannya hanya lebih kurang \$600 sahaja. Sedangkan jualan sekalipun diletakkan barang-barang yang bermutu dalam keadaan inflasi yang begini hebat atau kemampuan purchasing power sudah kurang pada rakyat, maka kedai dibuka, tetapi lebih ramai window shopping, lebih ramai orang menonton dari pintu ke pintu, dari jendela ke jendela daripada yang membeli-belah. Maka dalam keadaan yang seperti ini peniaga-peniaga yang kalau nasibnya tidak baik hanya dapat jual average atau pukulrata \$80 sehari bererti \$2,400 sebulan jualanannya. Berapakah persennya yang dia boleh dapat keuntungan? Kalau dia mengambil keuntungan 30%, keuntungan 30% daripada \$2,400 penjualan tidak menolong dia untuk

membayar sewa yang begitu tinggi, tidak menolong dia untuk membayar service charge, tidak menolong dia untuk membayar lampu, dan kalau dia dapat menjual lebih sedikit sehingga membolehkan dia menanggung perbelanjaan yang lain, keuntungannya tidak cukup untuk dia menanggung dirinya dan keluarganya apatah lagi income tax yang akan datang, cukai pembangunan dan sebagainya, semuanya tidak menolong. Jadi kalau tidak kena gaya, kalau kurang-kurang iman, banyak yang akan gulung tikar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal yang seperti ini andai-kata Kerajaan benar-benar ingin melihat bumiputra masuk di dalam lapangan ini maka mereka hendaklah diperhatikan betul-betul, saya percaya Kerajaan mengikuti terutama Perdana Menteri sangat mengambil berat perkembangan ini di mana sentiasa meminta laporan daripada UDA atau MARA bagaimana kedudukan pedagang-pedagang bumiputra di dalam bandar-bandar dan sebagainya. Saya katakan sangat berat, sebab kalau pendapatan keuntungan hanya cukup untuk menutup belanja sewa yang tinggi, orang bumiputra dan bukan bumiputra yang membeli lot-lot kedai tidak menanggung apa-apa, dia hanya membayar wang bank yang dipinjam dengan sewaan yang dibayar oleh orang yang menyewa, tetapi orang bumiputra yang mahu mencari makan dengan berniaga tidak mendapat keuntungan, yang dia dapat hanya untuk membayar sewa kepada orang yang duduk goyang kaki membeli rumah dengan pinjaman wang bank.

#### *Subsidi kepada Impot Beras*

Saya syorkan jikalau dapat dipertimbangkan oleh Kerajaan dalam hal-hal yang tertentu, apa salahnya Kerajaan mengkaji kemungkinan diberi subsidi seperti dalam setengah lapangan. Ini soal nasional, di muka 137—Kerajaan ada memberi subsidi kepada impot-impot beras dari Negeri Cina. Di dalam keterangan ini ada menyebutkan Kerajaan telah membantu 50 sen segantang bagi beras yang diimpot dari Negeri Cina untuk penggunaan dalam negeri, kerana beras merupakan satu makanan utama kepada rakyat, maka Kerajaan untuk mengurangkan harga memberi subsidi 50 sen pada tiap-tiap segantang harga beras yang diimpot, sedangkan beras yang diberi subsidi oleh Kerajaan yang

diimpot ke negara kita, harganya tidak juga rendah dan berbagai-bagai harga yang tinggi, tetapi pengimpot-pengimpot mendapat subsidi.

Soal ini ialah soal nasional di mana polisi Kerajaan berkehendakkan supaya bumiputra masuk di bidang perniagaan di kota-kota, di bandar-bandar dan Kerajaan mahu melihat perbezaan jurang antara kaum ini didekatkan dalam tempoh yang tertentu, tetapi kenyataan yang wujud seperti yang saya beri contoh tadi menunjukkan pedagang-pedagang kita tidak dapat bertahan, yang demikian jika ini dapat diberi perhatian dan difikirkan apa yang saya maksudkan dengan subsidi ini adalah satu langkah untuk menjamin golongan bumiputra yang benar-benar berniaga tidak sesudah berniaga tutup pula kerana tidak tahan berhadapan dengan kenyataan, kenyataan yang paling besar ialah sewa yang terlalu tinggi.

#### *Modal Asing*

Tuan Yang di-Pertua, di bidang perusahan yang berbagai-bagai jenis perusahan yang kebanyakannya ialah modal asing yang dibawa kemari sebagai modal bersama di mana rakyat Malaysia mempunyai saham kecuali kilang-kilang dibuka untuk semata-mata eksport tidak dimestikan ada modal, tidak dimestikan ada peruntukan saham kepada bumiputra, inilah yang banyak tumbuh di negeri kita. Ada baik dan ada tidak baik. Ada baik dan ada tidak baik, saya katakan, kerana harga barang perusahan-perusahaan yang dibuat di negeri kita sendiri telah melambung naik begitu tinggi dan menyulitkan kehidupan rakyat di negara kita sekarang ini. Hal ini, dalam kajian semula hendaklah dikaji sungguh-sungguh, sebab apa yang dikatakan perusahaan besar tidak ada bumiputra yang mampu berbuat tanpa berkongsi dan perkongsian di antara bumiputra dengan yang bukan bumiputra termasuk modal asing atau perkongsian antara rakyat Malaysia (sedikit bumiputra) dengan modal asing semuanya mempunyai baik dan tidak baik. Tidak baik dari segi kongkongan modal asing yang walaupun sedikit dalam kira-kira tertulis, tetapi perlaksanaannya mereka dapat berbuat bermacam-macam. Katalah sejenis machine, yang mahu dipakai oleh suatu perusahaan bersama (joint venture) di negara kita, kongsi perniagaan dari bukan

warganegara Malaysia akan menyatakan machine itu dapat dikirim oleh company induk, company besar di negerinya jadi company itu boleh mengirinkan dengan meletakkan harga yang lebih tinggi dan mengambil keuntungan dan company joint venture di negeri ini harus membayar dengan harga yang lebih tinggi. Jadi company ini menanggung kerugian membeli dan bererti kekurangan untung di dalam Penyata Tahunannya nanti. Ini menolong memperkayakan dan syarikat-syarikat induk yang mengadakan joint venture di negara kita ini.

Dalam masaalah lain perasaan tidak senang campurtangan yang berleluasa kalau kita tidak awasi betul-betul, daripada pemodal-pemodal asing yang besar-besar yang mahu menguasai dan menghirup kekayaan ekonomi sebuah negara, kalau saya boleh pinjamkan satu istilah yang boleh dikatakan perompak ekonomi di zaman moden, orang tidak mahu berperang lagi, tetapi orang mahu rompak ekonomi cara moden, ini kalau Kerajaan dan kakitangan Kerajaan tidak boleh melayan dengan baik dan mengawasi dengan sungguh-sungguh apatah lagi memberi muka dan memanjakan akibatnya mereka akan bermaharajalela menentukan kedudukan harga barang, ekonomi dan politik negara kita menyebabkan contohnya dalam negara tetangga ASEAN sendiri di Bangkok, pelajar-pelajar Universiti atau Universiti di sana mengadakan demonstrasi besar-besaran menentang Jepun, menentang lawatannya, membantah lawatan Perdana Menteri Jepun, dan di Indonesia pula berlaku rusuhan yang lebih hebat di Jakarta, di atas tujuan perkara yang sama.

#### *Penaklukan Ekonomi*

Ini sahaja yang dapat di rasai bagaimana penaklukan ekonomi sedang berjalan tetapi penaklukan ekonomi yang dikatakan sedang berjalan itu tidak boleh berlaku, jika pemerintah kita, jika pegawai-pegawai Kerajaan kita sendiri mempunyai kesedaran dan tanggungjawab untuk memelihara ketetapan negara kita, mereka tidak membiarkan digosok-gosok dan ditepuk-tepuk belakang oleh kapitalis-kapitalis luar negeri, mudah-mudahan tidak akan terjadi kerana kita mahu mereka datang bercampur dengan kita, tetapi mereka harus menghormati (respect) menolong membangunkan negara

kita bukan menghisap darah kita, membiarkan rakyat kita miskin, menderita dalam negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sudah cukup apa yang kita alami daripada penjajah British di negara kita. Malaya pada waktu yang dikatakan sebuah negara yang digelar Dollar arsenal—timbunan ringgit tetapi rakyat bumiputra sebagai itik kehausan di dalam air, ayam kelaparan di dalam kepuk padi. Sudah cukup pengalaman itu dan kita tidak mahu lagu-lagu samba, rumba ataupun apa juga, tetapi kita mahu perlaksanaannya yang tegas, kalau tidak akan berlaku apabila angkatan muda kita yang sedang tumbuh mengikut statistik yang menunjukkan umur bawahan itu lebih banyak di negeri kita sekarang ini. Jadi angkatan muda ini, kalau sekiranya tidak kita kawal dan kita kenal betul-betul, mungkin mereka membuat sesuatu lebih hebat daripada apa yang telah kita lakukan dizaman kita dahulu mengadakan demonstrasi apabila Malayan Union dihadapkan kepada kita dahulu. Mereka boleh berbuat lebih daripada itu, kerana setiap pemimpin semua tahu bahawa pemuda-pemuda sekarang sudah kurang hormat, bapanya sendiri pun tidak dihormatinya lagi, jadi apa lagi Kerajaan. Kita harus memikirkan hal ini.

#### *Pengeluaran Minyak*

Tuan Yang di-Pertua, kita nampaknya dikurniakan rezki yang baik oleh Tuhan dan kita patut bersyukur kepada Allah subhanahu wataala bahawa kita mendapat peluang-peluang minyak yang tersembunyi dalam tanah, tersembunyi di perut laut dan ini akan membawa penambahan hasil kita dalam beberapa tahun akan datang dan kita akan menjadi sebuah negara pengeluar minyak yang boleh diekspot, jika minyak kita untuk kapal terbang sahaja yang mutunya baik tentu akan bertambah mahal harganya, tetapi satu hal yang patut kita ketahui, saya percaya Kerajaan tahu, janganlah kita dipermainkan oleh kapitalis.

Sekarang kita punyai minyak dalam Malaysia yang sudah pun dikeluarkan. Syarikat Shell mengeluarkan minyak di Sarawak di samping mereka juga mengeluarkan minyak di Brunei. Berapa ratus ribu barrelkah yang dikeluarkan oleh Syarikat Shell di Brunei sehari dan berapa ribu barrelkah yang dikeluarkan oleh Syarikat Shell di Sarawak di dalam Malaysia.

Kerajaan tahu hal ini dan saya tidak mahu bercakap terlalu detail, tetapi saya katakan kalau mahu dikeluarkan lebih banyak minyak, Sarawak mampu mengeluarkan lebih banyak, dari apa yang dikeluarkan sekarang, bererti menambah hasil yang lebih banyak, dan ini satu contoh bagaimana kita boleh dipermainkan oleh kapitalis-kapitalis besar yang diberi muka di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang minyak juga di saat dunia menderita kerana Arab menyekat minyak, Malaysia alhamdulillah termasuk dalam negara sahabat oleh kerana dasar kita menyokong perjuangan Arab. Umat Islam di negeri ini mengutip dari pendapatan yang mereka dapat \$1 atau \$1.50 satu hari dikeluarkannya 10 sen bahkan \$1 dari pendapatannya satu hari untuk derma perjuangan Arab, maka kita dapat ikhsan yang sangat baik, tidak kena boikot, tidak kena sekatan, kita dapat minyak yang menasabah. Tetapi perdagangan minyak di Malaysia bukan di tangan bumiputra, bukan di tangan orang Islam, dan ini hendaklah Kerajaan mengambil peluang, bukan merampas apa yang telah ada daripada mereka yang bukan Melayu dan bukan Islam, tolong beri peluang dan fikirkan nikmat yang didapati oleh Malaysia, kerana dasar orang Melayu dan orang Islam menyokong perjuangan Arab. Jadi tolong kita bertimbang rasa supaya dibagikan hak-hak wakil penjual minyak lebih banyak kepada bumiputra, dan ini adalah adil. Jadi, Kerajaan mesti kenakan pressure, kalau tidak, tidak ada siapa memikirkan hal ini, melainkan Kerajaan mesti tekan dengan asas-asas keadilan bahawa sudah sampai masanya perniagaan minyak mesti diberi lebih luas kepada bumiputra campur dalam perusahaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya membaca apa yang dituliskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu tidak ada siapa pun tidak mahu mengakui hakikat bahawa Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak adalah Bapa Pembangunan. Ini disadari betapa kesanggupan beliau bekerja daripada zaman dahulu lagi sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar di dalam usaha-usaha pembangunan, tetapi kalau ada kegagalan berlaku seperti saya telah katakan waktu saya menjadi Pembangkang, kejadian-kejadian itu oleh sebab-sebab yang tertentu seperti Raja Berjurai Puteh, giginya berlapis-lapis, segantang makan daging, dua cupak lekat di gigi. Jadi

dua cupak yang lepas ke perut. Ini kerana pengkhianatan, kerana permainan kecuaiian yang bukan dibuat oleh Tun Abdul Razak, tetapi dilakukan oleh pegawai-pegawai ataupun orang-orang yang mahu menyeleweng.

Jadi, di dalam kata pendahuluan yang dimuatkan di dalam buku ini yang merupakan sebahagian daripada Kajian Semula bahawa Yang Amat Berhormat Tun telah menulis dengan kata-kata yang sangat membina di muka (iv) dan (v). Apa yang beliau harap dan kita juga mengharapakan sektor swasta mempunyai tanggungjawab terhadap masyarakat untuk membaiki keadaan yang ada sekarang dengan menyumbangkan sepenuh tenaganya untuk menambahkan pengeluaran dan bekalan, memberhentikan perbuatan mencari keuntungan yang berlebihan serta perbuatan yang salah dalam sistem pembahagian. Hal ini sangat perlu sebab berhubung terus dengan rakyat.

### *Inflasi*

Walau bagaimanapun, kenaikan harga itu berlaku, di saat-saat akhir ini harga tepung naik 10 sen dan harga gula naik 5 sen, dia tidak naik 1 sen, sekarang duit satu sen sudah tidak ada di kedai hendak dibayar balik, dia naik terus lima sen, lima sen setiap kali naik. Saya berpendapat sekalipun berlaku pergolakan ekonomi dunia yang hebat yang semua terlibat dengan inflasi, kenaikan tambang kapal, sekatan minyak dan lain-lain yang menyebabkan kenaikan harga bahan, namun pada pendapat saya kenaikan harga-harga barang itu bukanlah semata-mata kerana kenaikan harga bahan-bahan. Ada lagi satu saya fikir kerana kaum pemodal, pengusaha-pengusaha tidak sanggup mengurangkan untung. Mereka membuat keuntungan ada yang sampai 120% barang-barang yang dikeluarkan dari kilang. Kemudian ditolak kepada ejen, sub-ejen, distributionnya berjalan masih lagi ada untung, ertinya terlalu tinggi keuntungan yang telah dibuat. Rakyat harus menanggung semua ini, rakyat menanggung semua beban-beban samada direct atau indirect. Keuntungan yang dicari, cukai-cukai yang dikenakan oleh Kerajaan, semua sekali bebannya rakyat yang menanggung. Dan dalam keadaan yang seperti ini inflasi yang begini hebat mengancam kita, kenaikan yang sedikit bahan-bahan mentah pihak pengeluar tidak sanggup untuk bertahan, hendak menaikkan satu sen susah hendak ditukar

wang, mesti naik lima sen atau naik 50 sen. Dan dalam setengah-tengah perkara dimohon kepada Kerajaan, Kerajaan pun menimbang dan akhirnya diluluskan. Bila diluluskan yang menanggung kenaikan itu ialah rakyat. Jadi, pada pendapat saya satu daripada sebabnya itu ialah pemodal-pemodal atau pengusaha-pengusaha barang tidak sanggup mengurangkan keuntungan, jadi sekiranya perbelanjaan sudah naik dia harus tambah supaya untungnya tetap sama. Apa salahnya kalau untung kurang sedikit, tetapi mereka tidak sanggup berkorban mengurangkan sedikit untung. Jadi inilah yang patut diperhatikan oleh Kerajaan.

### *Free Enterprise*

Apa yang saya bimbang dan ini patut difikirkan oleh Kerajaan iaitu di dalam free enterprise, negara kita ini bercurak itu di mana setiap orang boleh membeli saham, di mana setiap orang boleh menanam modal yang menjadi pemimpin atau yang tidak menjadi pemimpin, yang menjadi Menteri atau yang tidak menjadi Menteri. Jadi, kalau ada seorang pemimpin mempunyai saham yang agak besar di dalam satu perusahaan, oleh kerana keadaan yang semacam ini maka syarikat pengeluar barang itu meminta Kerajaan menimbang hendak menaikkan sedikit harga barang. Bila ditimbang bukan sahaja meluluskan permintaan syarikat pengeluar itu, tetapi syarikat saya juga sama, sebab saya ada saham di dalam syarikat itu. Ada setengah orang tidak boleh menjadi pengarah, tetapi boleh mempunyai saham. Jadi, kerana syarikat itu ada kepentingan kita bersama, kita timbang kepentingan kita bersama walaupun saham kita sedikit, orang lain yang banyak. Ini saya bimbang dan patut Kerajaan bimbang, sebab akan digunakan oleh musuh negara kita untuk menghancurkan structure negara kita ini seperti yang mereka usahakan dalam hutan sekarang. Jadi, walau apa sekalipun saya katakan Kerajaan hendaklah berani mengadakan evolusi yang tegas.

### *Yayasan Dakwah*

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarik hati atas usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan dalam pembangunan disamping itu pula Kerajaan melangkah lagi sesudah Kerajaan Campuran PAS ikut sama dengan adanya perubahan-perubahan pembangunan rohani—Yang Amat Berhormat Tun telah

mengisytiharkan lahirnya Yayasan Dakwah. Ini sangat penting di dalam masyarakat yang begini kelam-kabut, anak-anak mudanya yang sudah tidak dengar kata lagi. Akan tetapi sesuatu yang harus saya katakan dan mesti saya sebutkan iaitu mengadakan Yayasan Dakwah adalah satu bahagian yang sangat penting dan pada saya agama bukan mengikut definisi orang barat. Orang barat meletakkan agama, apabila disebut culture, ukiran, kesenian dan sebagainya termasuk agama, itu culture dalam kebudayaan. Pada saya agama bukan culture, setengah perkara agama melahirkan berbagai-bagai culture, agama adalah pokok. Jadi soal pembangunan rohani atau agama ini adalah sangat penting, tetapi janganlah kita biarlah tukang-tukang dakwah yang kita akan perhebatkan dengan wayang gambar dan sebagainya dengan vanyan, dengan filem-filem, dengan itu dan ini berkeliaran di kampung-kampung, tetapi pemimpin-pemimpin yang beragama Islam tidak berubah. Pokok kejayaan perubahan seluruh sendi masyarakat dan susunan masyarakat kita atau nilai-nilai hidup rakyat kita daripada pemimpin-pemimpinnya bukan daripada wayang gambar dan lain-lain yang mesti mengadakan perubahan.

Saya bimbang apa yang saya katakan tadi kerana memang begitu awalan dalam negara kita ini. Dalam tentera kita mempunyai guru agama, imam tentera kita gelarkan dia, dengan mengajar anak-anak tentera, yang bapa-bapa tenteranya mengadakan jamuan besar bagi menyambut hari perayaan dengan champagne. Kalau ada guru agama tentera ertinya bapa-bapa tentera tidak minum arak, tetapi guru agama hanya untuk mengajar anak-anak tentera, bapa tentera tidak pernah mengindahkan kerana bapa tentera lebih tinggi pangkatnya daripada apa yang dinamakan guru agama—tidak akan memberi hasil. Jadi, saya mohon sesungguhnya-dipertimbangkan hal ini agar perubahan hidup, perubahan tingkah laku daripada kita, daripada pemimpin-pemimpin bagi menjayakan rancangan dakwah secara besar-besaran untuk menyusun masyarakat negara kita dengan contohnya pemimpin-pemimpin yang baik, jujur dan didikasi.

#### *Penyusunan Semula Masyarakat*

Saya sangat menyertai pendapat-pendapat dalam penyusunan semula masyarakat kita seberapa cepat yang boleh dengan cara yang teratur, penduduk-penduduk di pindahkan

dalam pembukaan-pembukaan tanah baharu—ertinya orang-orang yang bukan bumiputra kurang lebih 30% harus di masukkan di dalam rancangan-rancangan tanah di mana mereka di bentuk dengan masyarakat baharu masyarakat Malaysia. Di kawal dan dibangunkan semangat bangsa Malaysia. Ini kalau tidak dibuat akan timbul rasa tidak puas hati. Kalau timbul rasa tidak puas hati dia jadi berkudis dan boleh jadi pekong dan boleh menjadi tokak yang busuk dalam negara kita.

Dalam konsep melaksanakan masyarakat adil yang kita mahu dan dengan pelaksanaan Yayasan Dakwah yang sedang kita mulakan dengan kesedaran dan perubahan seperti yang saya harapkan pemimpin-pemimpin yang menunjukkan tauladan yang baik dengan kejujuran, kita harus berani menghadapi keadaan politik negara kita, berani menghadapi seluruh rakyat yang terdiri dari berbagai-bagai keturunan yang mana semua mereka adalah sama dalam negara Malaysia. Asas dari pengajaran Islam pun telah ditegaskan, dikatakan oleh Nabi Mohammad s.a.w. bahawa semua kamu daripada Adam dan Adam itu daripada tanah, sebab itu keberanian kita menyamakan manusia semua daripada tanah daripada Adam memberi hak-hak yang patut di miliki oleh mereka yang patut memilikinya sebagai rakyat adalah adil. Tegas kita berjalan, dengan undang-undang apabila kita fikirkan bahawa ini ada matlamat yang baik, dengan tidak boleh di pengaruhi oleh sesiapa dan dengan kejujuran pemimpin-pemimpin, insya Allah kita akan menghadapi perubahan-perubahan yang besar yang berjaya dan dapat mengatasi bencana inflasi dan bencana yang sengaja diada-adakan dan diusahakan oleh golongan kominis yang mahu merusakkan struktur negara kita.

3.48 ptg.

**Tan Sri S. O. K. Ubaidulla:** Tuan Yang di-Pertua, hasil dari Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua adalah diharapkan bahawa mulai tahun 1990 perindustrian pembuatan akan mengambil-alih tempat pertanian sebagai bahagian yang terpenting dalam ekonomi negara kita.

Pengeluaran kilang dan hasil-hasil pertanian hendaklah saling bergantung. Kemajuan perusahaan pengeluaran janganlah

hendaknya mengabaikan pertanian. Hasil yang paling penting dalam bidang pertanian ialah padi. Keputusan kita untuk mencapai taraf cukup keperluan sendiri dalam pengeluaran padi hanya telah diambil sesudah mengalami satu pengalaman yang pahit. Apabila Bil LPN di majukan dalam Dewan yang mulia ini, saya seorang sahajalah yang tidak akur dan mengesyorkan pengeluaran beras yang sepuh dan berlebihan untuk eksport. Sesudah mengambil keputusan untuk mengeluarkan beras dengan sepenuhnya, maka kita mestilah melibatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan padi supaya mengeluarkan beras sepenuhnya yang menjadi makanan utama ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin.

#### *Penanam Padi*

Kita mesti jadikan penanaman padi secukup hidup sahaja kepada tingkat penanaman perdagangan. Kekurangan jenis-jenis padi yang banyak mengeluarkan hasil yang sesuai untuk keperluan tiap-tiap kawasan pertanian padi yang utama di negara kita ini tidak boleh lagi menjadi sebagai satu faktor penghalangan. Kita memerlukan benih-benih padi yang sesuai di tanam di kawasan-kawasan pantai, di tanah-tanah rendah yang berair, di bukit-bukit, di kawasan-kawasan di mana terdapat musim tengkujuhnya terlewat dan juga yang boleh terhindar dari perusuk-perusuk. Selain dari itu petani-petani kita hendaklah dibenarkan memilih benih-benih yang sesuai dengan musim bertanam.

Tuan Yang di-Pertua, setengah dari negara-negara jiran telahpun mencapai kejayaan dalam perusahaan penanaman padi. Mereka mempunyai lebih dari satu dozen jenis benih padi untuk kegunaan petani-petani. Mereka telah mendapat benih-benih yang boleh mengeluarkan hasil yang banyak dalam masa kira-kira tiga bulan. Saya berharap supaya Kerajaan memberi galakan dalam usaha penyelidikan padi semuga pertanian akan menjadi satu sektor yang penting sebagaimana yang di cita-citakan dalam Rancangan Malaysia Kedua. Rengkas rancangan prospektif tahun 1990 yang tercatat di dalam Kajian Semula Pertengahan Rancangan Malaysia Kedua adalah satu terbitan yang menggembirakan dan menggalakkan. Terbitan ini juga menunjukkan bahawa Kerajaan menitikberatkan kemajuan yang berancang. Oleh itu, rancangan kita

hingga tahun 1990 bukannya hanya sebagai idaman sahaja, bahkan adalah satu perancangan yang wajar, yang berdasarkan kepada kemajuan yang memuaskan yang telah tercapai dalam tahun-tahun lampau.

Semenjak Kerajaan Perikatan menggalakkan rancangan yang progresif beberapa buah negara telah membuat rancangan yang berkesan. Ini adalah suatu alamat baik dan patut digalakkan. Kita hendaklah memastikan bahawa struktur ekonomi Malaysia tidak terganggu disebabkan pembahagian negara kita kepada negeri-negeri. Sebagai contoh kita ambil keadaan ekonomi di sebelah utara Pulau Pinang dan Seberang Prai, jauh sekali bezanya dengan keadaan-keadaan yang kurang maju yang terdapat di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Di kawasan-kawasan ini pertanian masih mundur dan kebanyakannya secara bendang-bendang kecil sahaja. Dalam pelaksanaan lanjut rancangan progresif ini penyesuaian politik dan ekonomi adalah diperlukan supaya tidak hanya kawasan-kawasan tertentu sahaja yang mendapat faedah dan negeri-negeri lain tidak dapat mengecap faedah yang sama disebabkan suara politik setempat dan nasional. Kita hendaklah menganggap penting bahawa rancangan-rancangan kawasan mustahaklah diselaraskan dengan rancangan-rancangan nasional.

#### *Simpanan Luar Negeri*

Tuan Yang di-Pertua, lebih eksport kita yang besar dan modal jangka panjang yang datang masuk dari luar negeri telah banyak menambahkan simpanan kita di luar negeri. Ringgit Malaysia adalah satu daripada matawang yang paling stabil dan kuat di dalam dunia. Dalam masa beberapa tahun yang lampau bilangan bank bertambah dengan pesatnya. Bank-bank kita juga adalah dibantu oleh institusi-institusi pasaran wang. Usaha-usaha giat yang dibuat oleh Kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah pasaran barangan antarabangsa bagi getah, bijih timah, kelapa sawit dan kayu-kayuan adalah sangat membangga dan menggalakkan. Kita hendaklah mempunyai cita-cita yang lebih tinggi. Kita boleh memajukan Kuala Lumpur sebagai suatu pusat perkhidmatan kewangan dan barangan. Untuk mencapai objektif ini kita hendaklah memperluaskan pasaran pertukaran dan menentukan supaya Ringgit Malaysia tercatat dalam Pasaran Wang Dunia. Selama ini Pasaran

Modal Antarabangsa kebanyakannya di-punyai oleh orang-orang Eropah. Sekarang ini Pasaran Modal Antarabangsa sedang berkembang luas kerana Pasaran Modal Eropah telah berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, ada kemungkinan yang perkara ini akan berpaling haluan dan mungkin akan mempunyai fungsi yang berasaskan tiga benua, iaitu Eropah, Amerika dan Asia. Sekiranya kita berusaha dengan dinamis dan mengeluarkan daya-penarik ada kemungkinan Kuala Lumpur akan menjadi sebuah pusat kewangan seperti Tokyo. Usaha tarikan kita terhadap bank-bank asing hendaklah diperhebatkan. Kita hendaklah berusaha keras, untuk menarik perhatian bank-bank dari negara-negara Arab di mana khazanah minyak kian hari kian bertambah. Untuk meyakinkan bank-bank Arab tidaklah begitu payah oleh sebab kita ada berdagang dengannya dan perhubungan kita dengan negara-negara Arab adalah baik dan mesra. Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa negara-negara Arab tidak begitu senang dengan pelabur-pelaburnya yang begitu banyak di negara-negara barat. Adalah dibimbangkan yang mereka akan menarik balik simpanan mereka jika akibat krisis politik berlaku nanti.

#### *Minyak*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menghadiri di Persidangan Ketua-ketua Negara Islam di Lahore, Pakistan dalam bulan Februari akan datang ini. Adalah diumumkan bahawa semasa berada di sana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan berunding dengan negara-negara Arab mengenai minyak.

Saya berharap Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri akan mempelawa negara-negara Arab untuk menubuhkan bank-bank mereka di Malaysia, kemudian satu rombongan dihantar ke sana untuk berunding terus dengan bank-bank Arab yang utama.

Disebabkan oleh kekayaan minyak di negara-negara Arab seluruh dunia berebut-rebut menubuhkan bank-bank di Beirut untuk menguruskan berjuta-juta pelaburan, pinjaman dan projek-projek pembangunan. Beirut ialah pusat kewangan yang paling penting dalam dunia bagi negara-negara Arab yang mengeluarkan minyak.

Kerajaan kita hendaklah menggalakkan bank-bank kebangsaan kita seperti Bank Bumiputra supaya membuka cawangan-cawangannya di Beirut untuk membolehkan kita mendapat bahagian wang yang terdapat dari khazanah perdagangan minyak. Setengah-setengah bank Jepun telahpun menubuhkan cawangan-cawangan di Beirut.

#### *4.01 ptg.*

**Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan berkenaan dengan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Peguam Negara pada petang semalam.

Semasa kita membahaskan tentang laporan Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua, saya fikir patut juga kita renungkan keadaan kedudukan negara-negara di seluruh dunia ini, kerana kedudukan negara-negara di seluruh dunia telah terancam ekonominya oleh kerana kenaikan harga minyak. Kita tahu bahawa di beberapa buah negeri mereka begitu sekali kekurangan minyak sehingga mereka terpaksa menggunakan basikal dan bukan lagi motokar. Negeri yang kaya-raya juga terpaksa merentikan jualan minyak pada Hari Ahad oleh kerana kekurangan minyak.

Kita tahu di Great Britain umpamanya, negara yang dahulunya begitu kaya sudahpun merosot ekonominya sehingga Kerajaannya memaksa supaya perusahaan-perusahaan cuma berjalan selama 3 hari di dalam satu minggu sahaja. Perjalanan 3 hari pada satu minggu ini memberi kesan yang amat teruk kepada pekerja-pekerja di sana, kerana ini bermakna bahawa pendapatan mereka berkurangan sebanyak 40%. Kita mungkin tidak tahu tentang pedihnya kekurangan ini kalau kita tidak banding keadaan di dalam negara kita yang mana kalau kita mengurangkan 40% daripada pendapatan seseorang ini bermakna yang bergaji \$100 cuma akan mendapat \$60 pada satu bulan dan ini tentulah menyusahkan orang yang dapat begitu sedikit.

Keadaan di negara-negara yang kaya-raya seperti Jepun juga telah merosot sehingga banyak daripada mereka menderita. Di negara-negara yang sejuk yang ada di

temperate climate kekurangan minyak bermakna kekurangan bahan untuk memperhangatkan tubuh badan mereka, dan mungkin beberapa orang telahpun mati di dalam musim sejuk ini oleh kerana kekurangan heat ataupun hawa yang panas. Tetapi, kalau kita perhatikan keadaan di dalam negara kita, kita tentu terpaksa mengaku bahawa sungguhpun ada sungutan-sungutan tentang kesusahan berkenaan dengan kenaikan harga, berkenaan dengan inflasi dan sebagainya, tetapi kesusahan-kesusahan ini tidaklah begitu sangat sehingga begitu teruk sehingga ada orang yang mati akibat daripada kesusahan ini. Kalau kita perhatikan di bandar-bandar bilangan motokar bertambah banyak, sehingga kita tahu bahawa penjualan motokar pada masa sekarang ini telah begitu kuat sekali berjalan sehingga tidak ada cukup motokar yang dapat dibina di kilang-kilang kita.

#### *Inflasi*

Ini menunjukkan bahawa sungguhpun keadaan di dalam negara kita juga terlibat di dalam inflasi seluruh dunia, tetapi cuma satu pihak sahaja mungkin yang merasai inflasi ini, sebaliknya kebanyakan daripada orang-orang di Malaysia ini tidak merasai inflasi ini sama sekali bahkan mereka dapat keuntungan yang lebih oleh sebab ada inflasi di dalam negara kita. Dari keuntungan yang lebih inilah maka dapat kita lihat motokar-motokar yang begitu banyak di dalam negara kita.

Saya sebutkan tentang perkara ini oleh kerana saya tahu daripada kejatuhan Matawang Amerika. Umpamanya, barang-barang daripada Amerika yang dimasukkan di dalam negara kita tentulah menjadi kurang harganya: patut jadi lebih kurang daripada dahulu. Kalau dahulu US\$1 wang Amerika berharga M\$3.03 wang Malaysia pada satu ketika harga wang Amerika ini diturunkan kepada \$2.30. Maka sepatutnyalah barang-barang yang diimpot daripada Amerika ataupun barang-barang yang diimpot daripada negara-negara lain yang menggunakan matawang mereka untuk menyebutkan harga patutlah dikurangkan harganya sebanyak sekurang-kurangnya 25%. Malangnya, tidak ada bukti sama sekali bahawa barang-barang daripada Amerika telahpun turun harga, sebaliknya barang-barang ini telah naik harganya. Yang saya tahu cuma satu benda sahaja yang dijalankan dalam suratkhbar

iaitu telahpun turun harga akibat daripada devaluation of American Dollar dan ini adalah Samsonite bag yang diiklankan di dalam suratkhbar *Straits Times* iaitu akibat turunnya harga Matawang Amerika, maka Samsonite bag ini telah turun harga, tetapi lebih banyak barang lagi yang kita impot daripada Amerika yang bukan sahaja tidak turun harganya, tetapi harganya telah naik.

#### *Harga Matawang Amerika*

Ini bermakna bahawa pengimpot-pengimpot barang-barang daripada Amerika telah mendapat keuntungan yang lebih akibat daripada turunnya Matawang Amerika ini. Mereka mendapat keuntungan yang lebih dengan kerana mereka tidak menurunkan harga barang yang mereka membeli dengan harga yang lebih murah. Oleh kerana itu maka consumers ataupun pengguna tidak mendapat sedikit pun menafaat daripada kekuatan yang disebut-sebutkan tentang had Matawang Malaysia ini. Kekuatan Matawang Malaysia ini yang dapat hampir menewaskan matawang yang lain. Tetapi kalau kita tahu bahawa pengimpot barang-barang daripada Amerika ini mendapat keuntungan yang begitu lebih, kerana tidak menurunkan harga barang-barang yang mereka beli dengan harga yang lebih murah daripada dahulu, pihak Kerajaan patutlah menyelidiki atas perkara ini kerana kalau mereka ini mendapat keuntungan yang lebih sangat, maka sepatutnyalah mereka membayar cukai pendapatan yang bertambah daripada dahulu. Kalau cukai pendapatan tidak bertambah di dalam tahun 1973 akibat daripada kejatuhan harga Matawang Amerika, maka ini bermakna bukan sahaja pihak pengguna yang rugi, tetapi Kerajaan juga yang rugi. Kerajaan yang tidak dapat cukai yang bertambah oleh kerana keuntungan yang bertambah bagi orang-orang yang berniaga dengan membeli barang ataupun mengimpot barang daripada Amerika Syarikat.

Saya ingin menyampaikan pendapat ini kepada pihak Kerajaan supaya dijalankan penyelidikan yang penuh tentang keuntungan yang didapati oleh mereka ini yang mengimpot barang daripada negeri-negeri yang mana matawangnya telahpun mengalami kemerosotan.

Tuan Yang di-Pertua, kita betul-betul bernasib baik di waktu harga minyak naik,

kita tidak merasai sangat kesusahan akibat kenaikan harga minyak ini oleh kerana beberapa sebab. Kekurangan minyak umpamanya telah menyebabkan kenaikan harga barang-barang yang diperbuat daripada petroliam dan oleh kerana petroliam ini satu daripada benda-benda yang dibuat daripada petroliam derivative ini ialah synthetic rubber, maka harga getah kita pun juga bersama naik. Jadi, sungguhpun harga minyak naik, harga getah juga naik, jadi tidaklah kita merasai sangat kesusahan akibat daripada kenaikan harga minyak.

### *Minyak*

Selain daripada itu, hampir semua bahan-bahan yang dikeluarkan daripada negara kita ini telahpun mendapat kenaikan harga yang baik, dan bertambah pula kita bernasib baik di masa dunia kekurangan minyak, usaha carigali minyak ini telahpun dijalankan dan kita mendapat hasil yang begitu baik, sehingga dapat Menteri Perusahaan Utama menyatakan di dalam Dewan Rakyat bahawa kita ada minyak yang mencukupi, jadi tidaklah kita merasai sangat kekurangan minyak ini. Oleh kerana itu mungkin ada orang-orang yang tidak begitu bersyukur oleh kerana kita tidak menderita seperti negara jiran kita umpamanya. Di Singapura, umpamanya kekurangan minyak telahpun menyebabkan beberapa kilang ditutup, perusahaan dihentikan dan tuan punya perusahaan-perusahaan ini mengalami kerugian yang besar kerana tidak ada minyak untuk menjalankan perusahaan mereka. Tetapi belum ada satu perusahaan di dalam negara kita ini yang terpaksa ditutup yang mana pemodal-pemodalnya terpaksa mengalami kerugian yang besar akibat daripada kekurangan minyak. Kita tidak kurang minyak bukan sahaja kerana kita mengeluarkan banyak, tetapi kita berkawan begitu baik dengan orang-orang Arab dan kita menyokong perjuangan mereka untuk mendapat balik wilayah-wilayah mereka. Oleh kerana itu mereka memberikan kita apa yang kita hendak untuk peruntukan kita daripada segi minyak, perusahaan-perusahaan kita juga berjalan dengan pesat dan pemodal-pemodal yang menanam begitu banyak modal di dalam perusahaan-perusahaan ini dapat keuntungan. Malangnya, orang-orang yang begini kaya akibat daripada persahabatan kita dengan Arab tidak begitu berasa terhutang budi

kepada orang-orang Arab, dan sungguhpun kita melancarkan satu tabung untuk menyokong perjuangan Arab di Timur Tengah ataupun di Asia Barat, yang menyokong tabung ini adalah orang-orang yang miskin sahaja, orang yang sebenarnya menderita sekarang ini kerana kesusahan mendapat minyak kerosene umpamanya, tetapi yang kaya-kaya tidak sama sekali menyokong tabung ini. Ini menunjukkan bahawa mereka tidak bersyukur tentang nasib baik mereka kerana pihak Arab tidak menyekat minyak untuk negara kita. Saya berharaplah di dalam masa kita hidup di dalam kemewahan ini, kita hendaklah sedar sebab-sebab yang kita mewah.

### *Memperseimbangkan Kedudukan Ekonomi*

Kita mewah kerana di dalam negara kita ini Kerajaan menjalankan usaha secara teratur dan kita bukan sahaja mengadakan rancangan Lima Tahun satu demi satu, tetapi kita membuat kajian separuh masa. Sekarang ini kita membuat kajian-kajian tentang Rancangan Malaysia Kedua dan Rancangan Malaysia Kedua ini adalah satu rancangan yang berlainan daripada rancangan-rancangan yang telah diperbuat dahulu, kerana Rancangan Malaysia Kedua ini berasas kepada Dasar Ekonomi Baru, dasar yang bertujuan untuk memperseimbangkan kedudukan ekonomi semua kaum di dalam negara kita ini. Dasar ini dapat dijalankan oleh kerana negara kita ini mewah—*flowing with milk and honey*—kata orang, dan ada banyak bahan-bahan yang boleh dibahagi-bahagikan dengan secara yang adil kepada semua penduduk. Dasar Ekonomi Baru ini adalah satu dasar yang berasas kepada keadilan dan oleh kerana ianya berasaskan kepada keadilan, maka semua pihak menyokongnya ataupun semua pihak menyatakan sokongan mereka kepada dasar ini. Malangnya, petang semalam apabila kita mendengar ucapan-ucapan daripada setengah-setengah Ahli Dewan ini, sungguhpun mereka berkata bahawa mereka menyokong Dasar Ekonomi Baru, tetapi mereka menambah dengan perkataan “tetapi” juga, mereka tidak bersetuju dengan itu dan ini dalam usaha melaksanakan dasar ini. Jadi, apakah makna kita menyokong dasar ini kalau bila kita melaksanakannya kita menentang cara-cara itu? Dasar Ekonomi Baru ini tidak bertujuan mengambil daripada orang yang telahpun dapat hak mereka, tidak ingin

menyamun daripada orang yang sudah ada harta. Apa yang dijalankan di bawah dasar ini ialah membahagi-bahagikan secara yang adil apa yang belum dibahagikan pada masa yang akan datang. Dalam usaha membahagikan ini kalau kita ingin supaya kedudukan ekonomi antara kaum menjadi seimbang, maka terpaksa kita memberi lebih sedikit kepada pihak yang tidak berada daripada pihak yang berada. Umpamanya, di dalam Buku ini telahpun dinyatakan bahawa orang-orang bumiputra memegang sebanyak 1% sahaja daripada modal yang ditanam dalam perusahaan di dalam negara kita, sebaliknya 30% dipegang oleh orang yang bukan bumiputra. Yang 30% ini tentulah kita tidak ingin mengambil daripada mereka. Ini adalah hak mereka dan kita bersetuju bahawa apa yang telahpun jadi milik orang lain tidak boleh diambil balik oleh pihak Kerajaan. Jadi yang akan dibahagi-bahagikan ialah hak yang akan datang. Kalau kita cuma membahagikan mengikut cara lama, kita tentulah tidak boleh mendapat keadaan yang mana semua kaum dapat haknya secara yang adil supaya keadaan yang seimbang berlaku di dalam negara kita. Untuk memperseimbangkan orang yang begitu sedikit miliknya di dalam negara kita ini, maka terpaksa kita memberi kepada mereka lebih banyak daripada orang-orang yang lain, dan kalau kita memberi lebih banyak, maka tentulah ada sungutan—bahawa yang tidak dapat itu berasa tidak puas hati.

#### UDA

Saya berharap bahawa Ahli-ahli yang sokong Dasar Ekonomi Baru ini tidak sangat mengutamakan soal-soal yang semacam itu, kerana kalau kita mengutamakan sungutan-sungutan yang semacam itu, maka tidaklah dapat kita menjalankan Dasar Ekonomi Baru, dan sampai bilapun tidak dapat kita mengesimbangkan kedudukan ekonomi di dalam negara ini. Kalau kita perhati tiap-tiap usaha yang dijalankan oleh Kerajaan untuk mencapai taraf yang sama bagi semua kaum, tidak ada satu cara yang cuma menguntungkan satu kaum sahaja. Kalaulah kita mengkaji perjalanan UDA umpamanya, UDA ini ditubuhkan oleh Kerajaan untuk menolong supaya

lebih banyak kaum bumiputra dapat berniaga di dalam bandar-bandar. UDA berjalan dengan pesat mengadakan bangunan-bangunan begitu banyak di dalam Kuala Lumpur umpamanya, tetapi usaha UDA ini bukanlah semata-mata menguntungkan peniaga-peniaga bumiputra, sebaliknya usaha UDA ini menambah lebih banyak peniaga-peniaga yang bukan bumiputra, bukan dengan kerana UDA bertujuan sedemikian, tetapi ini adalah satu perkara yang tidak dapat dielakkan.

Kalau UDA membangunkan satu kompleks perniagaan dengan gerai-gerai sebanyak 1,000 mustahil ada 500 peniaga-peniaga Melayu ataupun bumiputra yang dapat mengambil gerai-gerai yang begitu mahal. Jadi di dalam kompleks-kompleks yang dibangunkan oleh UDA dalam bandaraya Kuala Lumpur ini kebanyakan daripadanya akan diambil oleh orang yang bukan bumiputra. Maka sudah tentu ini tidak akan menolong memperseimbangkan kedudukan perniagaan orang bumiputra di dalam bandar-bandar besar. Walaupun begitu terpaksa juga UDA menjalankan dan perjalanan UDA ini sebenarnya hampir 70 peratus menguntungkan orang yang bukan bumiputra daripada orang bumiputra. Itu pun tidak disebut oleh orang bukan bumiputra bahawa mereka berasa iri hati, kerana pihak yang lain telah dapat yang banyak. Kenapakah pula di dalam Dewan ini patut kita sebut tentang perkara-perkara seperti orang-orang yang bukan bumiputra di luar-bandar dikatanya terdesak sehingga tidak dapat tinggal di kawasan-kawasan luar-bandar sehingga terpaksa lari daripada kawasan luar bandar untuk tinggal dalam bandar kerana tidak ada peluang sama sekali di kawasan luar bandar.

Keadaan ini tidaklah benar. Saya ingin menjemput mana-mana Ahli di dalam Dewan ini ke Negeri saya ke Kedah dan saya boleh membawa mereka ini ke kawasan-kawasan luar bandar untuk menunjukkan bahawa di dalam kawasan luar bandar ini orang Melayu dan orang bukan Melayu duduk bersama-sama di dalam keadaan yang aman. Dan kalau dibandingkan kedudukan orang Melayu dan bukan Melayu, maka tentulah nyata bahawa orang-orang Melayu tinggal di dalam rumah atap lagi, tetapi orang-orang bukan Melayu telah menjadi mewah dan telahpun tinggal di dalam rumah-rumah batu. Di dalam satu kawasan yang

dulunya yang saya mewakili kawasan itu di dalam Dewan Rakyat, keadaan ekonomi tidaklah seimbang walaupun ini adalah keadaan di dalam kawasan luar bandar, kalau kita perhatikan kebanyakan daripada orang-orang Melayu masih tinggal di dalam rumah-rumah atap, tetapi yang bukan Melayu tinggal di rumah batu. Itu pun keadaan di situ aman, tidak ada perasaan iri hati di kalangan orang-orang Melayu di dalam kawasan-kawasan luar bandar. Kalau-lah kita yang bertanggungjawab di dalam Dewan ini menimbulkan soal-soal perasaan marah di kalangan satu-satu kaum, maka keadaan yang aman ini akan dipecahkan dan kita sekali lagi akan melihat peristiwa yang kita tidak ingini.

#### *Lembaga Padi dan Beras Negara (L.P.N.)*

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya ingin menyentuh sedikit tentang soal Lembaga Padi dan Beras Negara (L.P.N.). L.P.N. ini telahpun saya tegur di masa dulu dan telahpun menjadi satu perkara yang hangat, tetapi selepas daripada itu saya telah menyokong tindakan L.P.N. kerana mereka menjalankan kerja dengan begitu baik. Tetapi baru-baru ini Kerajaan telahpun meluluskan Undang-undang yang memberi kuasa kepada L.P.N. dan satu daripada perkara-perkara yang disebutkan ialah L.P.N. akan menegah mana-mana pihak yang tidak berlesen menyimpan beras lebih daripada 20 pikul. 20 pikul padi ini datang daripada satu relung tanah, kalau kita kira relung di Negeri Kedah; iaitu perolehan daripada satu relung sahaja dapat disimpan oleh petani-petani yang tidak berlesen ini. Orang yang menanam padi ini biasanya menyimpan sedikit daripada padi yang mereka menuai itu oleh kerana kalau dijual di waktu musim menuai, maka harga padi ini menjadi begitu murah sekali kerana terlampau banyak padi dan pendapatan mereka tentulah tidak begitu banyak. Tetapi kalau mereka dapat menyimpan padi ini sehingga kepada musim yang mana padi tidak begitu mewah, maka harga padi itu akan menjadi lebih sedikit dan kalau mereka menjual pada masa itu maka dapatlah mereka keuntungan yang lebih daripada biasa.

#### *Petani Kecil Tertindas*

Dengan adanya undang-undang yang berkata bahawa orang yang tidak berlesen cuma dapat menyimpan 20 pikul, maka ini

bermakna yang tertindas bukan peniaga-peniaga yang besar yang berlesen, tetapi petani-petani yang kecil-kecil ini, merekalah yang akan tertindas akibat daripada peraturan yang dibuat seperti ini tetapi kata L.P.N. selepas sungutan-sungutan yang didengar di tempat padi dikeluarkan dengan banyak iaitu di Negeri Kedah bahawa L.P.N. cuma mendapat kuasa tetapi tidak akan menggunakan kuasa ini buat sementara ini, kuasa ini akan digunakan cuma pada masa kecemasan.

#### *Membentuk Undang-undang*

Cara membentuk undang-undang sebelum kita berkehendakkan kepada undang-undang ini tidaklah begitu baik. Kalau kita membentuk undang-undang selepas itu kita memberi kuasa kepada satu orang untuk menjalankan undang-undang ini atau tidak mengikut pendapatnya sendiri, maka ini menimbulkan perasaan keraguan di kalangan orang-orang yang akan tertindas dengan undang-undang ini. Kalau kita berkehendakkan kepada undang-undang ini kita bentuk dan kita kuatkuasakan undang-undang ini tidak ada gunanya kita membentuk undang-undang, meluluskan undang-undang ini tetapi kita tidak menjalankan undang-undang ini, tunggu pada satu masa yang cemas, katanya. Ini memberi kuasa yang terlalu sangat kepada seorang ataupun sekumpulan pegawai, dan ini mungkin menimbulkan perasaan bahawa ada cara-cara mengelak daripada menjalankan kuatkuasa undang-undang ini di kalangan orang-orang yang berniaga di dalam bidang ini, dan kalau timbul perasaan yang semacam ini mungkin kejadian yang tidak baik akan berlaku. Kalau kita berkehendakkan kepada undang-undang ini, kita patut luluskan undang-undang ini dan terus jalankan undang-undang ini. Kalau kita belum berkehendakkan adalah lebih baik kita tidak meluluskan undang-undang ini, kerana meluluskan undang-undang bukanlah mengambil masa yang begitu banyak. Bila masa sahaja Dewan ini dan Dewan Rakyat dapat dipanggil untuk meluluskan sebuah undang-undang kalau begitu mustahak sekali dan kalau tidak dapat kita memanggil Dewan-dewan ini bersidang untuk meluluskan undang-undang, dapat juga kita menggubal undang-undang dalam keadaan-keadaan darurat dan menjalankan kuasa undang-undang itu. Jadi kalau kita tidak berkehendakkan kepada undang-undang yang

semacam ini adalah lebih baik kita tidak meluluskan undang-undang ini, kerana undang-undang ini sebenarnya menjadi satu ancaman kepada satu golongan manusia yang tidak ada siapa mempertahankan hak mereka iaitu petani-petani yang usaha mereka menolong menstabilkan harga mata-benda di dalam negara kita ini.

### *Petani-petani*

Berkenaan dengan petani-petani ini juga, di waktu kita mengkaji Rancangan Malaysia Kedua ini kita patut menimbang tentang kedudukan orang-orang yang miskin ini, mereka inilah yang berusaha untuk mengeluarkan lebih banyak padi dan beras untuk negara kita. Sekarang ini kita mendengar bahawa kita dapat mengeluarkan 85 peratus ataupun 90 peratus daripada kehendak beras di dalam negara kita. Kalaulah petani-petani ini tidak berusaha, maka sudah tentu kebanyakan daripada kita tidak dapat peruntukan beras dengan secukupnya. Pekerja-pekerja di dalam kilang-kilang ada Kesatuan Sekerjanya dan apabila sahaja mereka tidak puashati dengan gaji mereka, mereka mengancam akan mogok, mereka berpiket, berbuat itu dan berbuat ini sehingga gaji mereka dapat tambahan yang cukup.

### *Kesan Tindakan Pekerja-pekerja*

Kesan daripada tindakan pekerja-pekerja, maka Kerajaan telah membayar mengikut kadar \$30, \$20 dan \$15 kepada pegawai-pegawai, pekerja-pekerja yang bergaji kecil, tetapi apakah nasibnya petani-petani? Mereka tidak mogok, samada cukup atau tidak makanan mereka, mereka menanam juga padi untuk kegunaan negara kita, tetapi keadaan mereka makin menjadi susah akibat kenaikan harga barang, terutamanya kenaikan harga fertiliser, baja yang digunakan oleh mereka. Sungguhpun harga padi sekarang ini telah naik, tetapi oleh kerana harga fertiliser naik, harga upah naik, harga kenderaan naik dan lain-lain barang naik, maka kenaikan harga padi itu telahpun hilang dan tidak dapat dirasakan oleh petani-petani ini.

Yang malang sekali ialah keuntungan daripada perusahaan padi dan beras ini bukanlah didapati oleh petani-petani sendiri, tetapi didapati oleh orang-orang tengah kebanyakannya. Kalau kita bandingkan harga padi dan harga upah mengisar

padi dan harga kenderaan dan sebagainya, kita tahu bahawa di antara harga padi dan harga beras itu keuntungan adalah begitu banyak sekali dan sepatutnyalah keuntungan itu pergi kepada petani-petani sendiri. Ini adalah perkara yang patut diambil berat oleh pihak Kerajaan, kerana kita mendesak mereka ini bekerja lebih kuat menanam padi dua kali setahun. Sungguhpun mereka berusaha dua kali lebih kuat daripada dahulunya, pendapatan mereka tidaklah bertambah sebanyak dua kali, mungkin cuma bertambah sebanyak 25% ataupun 30% sahaja daripada pendapatan mereka di waktu mereka menanam padi setahun sekali sahaja . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempoikan selama 20 minit.

*Persidangan ditempoikan pada pukul 4.30 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 4.50 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Mesyuarat*)

4.50 ptg.

**Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya tadi, saya ingin sedikit lagi menyebut tentang undang-undang yang telah digubal baharu-baharu ini yang memberi kuasa kepada L.P.N. menahan sesiapa yang tidak ada lesen menyimpan padi lebih daripada 20 pikul. Di Kedah umpamanya, ada lebih kurang 50,000 keluarga petani-petani dan hampir semua mereka ini ada jelang masing-masing untuk menyimpan padi. Apabila kita mengadakan Undang-undang, kita tentulah berkehendak kepada pegawai yang akan menjalankan kuasa Undang-undang ini, kita belum tahu siapakah pegawai yang berhak menjalankan Undang-undang ini. Yang menimbulkan keraguan di kalangan petani-petani ialah mereka boleh diancam oleh mana sahaja pihak yang berkata bahawa mereka melanggar Undang-undang. Jadi kalaulah kita hendak ada Undang-undang patutlah kita adakan Undang-undang bila kita berkehendak menggunakan Undang-undang ini dan yang keduanya kita mestilah tentukan siapakah yang berhak menjalankan kuasa Undang-undang ini.

### *Keudukan Petani-petani*

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian tentang kedudukan petani-petani yang begitu susah di dalam keadaan sekarang ini. Untuk menambah bekalan beras dan padi di dalam negara kita ini Kerajaan telah mengadakan Rancangan Perairan Muda yang mana dapat kita mengeluarkan padi setahun dua kali, dan ini menambahkan bekalan padi dan beras di dalam negara kita. Malangnya, seperti saya sebutkan tadi sungguhpun petani-petani menanam padi setahun dua kali di atas tanah yang sama besar, ini tidak bermakna bahawa mereka dapat perolehan dua kali ganda lebih daripada dahulu, tetapi sebenarnya mereka cuma dapat menambah perolehan mereka sebanyak 25% ataupun 30% sahaja daripada pendapatan mereka dahulu. Di dalam keadaan yang mana barang-barang menjadi begitu mahal akibat inflasi, keuntungan daripada penanam padi ini tidaklah begitu banyak dan sebenarnya 70% daripada keuntungan ini, keuntungan daripada usaha mereka ini terdapat oleh pihak yang lain.

### *Collective Farms*

Di dalam zaman commercial ini yang mana kebanyakan perusahaan dijalankan secara industri yang tersusun yang ada pentadbiran yang cekap dan kedudukan kewangan yang kemas, perusahaan padi ini masih juga menjadi satu peasant industry yang diusahakan untuk petani-petani secara kecil-kecil. Dalam keadaan yang semacam ini, maka mereka tidaklah dapat economies of scale seperti yang terdapat di dalam perusahaan-perusahaan lain seperti perusahaan kelapa sawit, getah dan lain-lain. Tetapi petani-petani ini tidak dapat membesarkan ladang-ladang mereka, oleh kerana mereka tidak cukup modal dan tidak ada cukup kebolehan untuk menjadikan perusahaan mereka ini satu commercial enterprise. Dalam keadaan semacam ini kita biasa mendengar bahawa satu daripada cara untuk menjayakan perusahaan menanam padi ini ialah dengan cara mengadakan collective farm. Perkara ini telahpun disebut-sebutkan, tetapi belum ada sesuatu usaha yang dijalankan supaya tujuan ini tercapai. Sebenarnya collective farm ini tidak dapat dijalankan di dalam negara kita bukan

sahaja oleh kerana Kerajaan belum menerima konsep ini, tetapi juga petani-petani sendiri belum menerima cara collective farms ini oleh kerana petani seperti juga petani di lain-lain negara begitu sekali sayang kepada tanah milik mereka. Mereka tidak ingin lain-lain orang campurtangan dalam hal tanah yang dimiliki oleh mereka. Di dalam collective farms tentulah pihak-pihak yang lain akan dapat kuasa campurtangan di dalam tanah mereka dan oleh kerana itu mereka tentulah akan membangkang sebarang usaha untuk mengadakan collective farms ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kalaulah pihak Kerajaan memberi penerangan yang cukup jelas tentang keuntungan yang boleh didapati daripada satu ladang yang besar dibandingkan dengan ladang yang kecil, akhirnya petani-petani ini akan menerima cadangan collective farms ini. Apa yang mustahak ialah hak milik mereka tidak terancam dan ini boleh diperbuat kalau kita menentukan bahawa hak mereka di atas sesebuah collective farm ini terjamin dengan secara memberikan saham-saham ataupun bonds berkenaan dengan apa yang dimiliki oleh mereka. Apa yang mustahak ialah supaya dapat kita mencantumkan ladang-ladang yang kecil ini menjadikannya ladang yang besar, yang teratur, yang dijalankan secara perusahaan moden yang mengadakan alat-alat yang cukup yang berjalan dengan licin yang pemasarannya (marketing) dijalankan dengan secara yang tertib yang dapat economies of scale seperti membeli baja secara borongan dengan harga yang murah, mengadakan jentera-jentera dengan harga yang murah kerana pembelian yang banyak dan sebagainya, maka dengan cara ini dapatlah kita mengurangkan untuk menjalankan perusahaan tanaman padi ini dan dengan cara ini tentulah keuntungan ini yang akan didapati oleh petani-petani sendiri.

Usaha ini boleh dijalankan kalau kita menjalankannya dengan secara beransuran iaitu kita mengadakan satu model farm yang dipilih daripada satu kawasan yang sudahpun boleh menerima konsep ini dan kalau model farm ini dijalankan dengan secara yang sempurna yang boleh membuktikan bahawa ada keuntungan daripada perusahaan ini, saya percaya tidak lama lagi konsep mengadakan collective farms ini akan

diterima oleh petani-petani dan kita bolehlah mengadakan cara pertanian yang lebih sesuai dengan zaman moden ini. Ini adalah harapan daripada perusahaan ini. Harapan negara kita bahawa pada suatu ketika dapat kita mengeluarkan cukup beras untuk membekalkan kehendak-kehendak kita. Beras ini tidak akan mencukupi dan keadaan keluaran beras ini tidak dapat dikawal melainkan kita mengadakan cara bercucuk-tanam, cara pertanian dengan secara yang tertib yang sesuai dengan keadaan zaman.

Inilah yang saya minta supaya pihak Kerajaan menimbangkan perkara ini sementara kita mengkaji Rancangan Malaysia Kedua ini yang bertujuan untuk memberi keadaan kedudukan yang lebih adil dan seimbang antara kaum, maka patutlah kita mengutamakan nasib petani-petani yang sehingga pada masa sekarang ini tidak begitu bernasib baik walaupun kita berusaha begitu kuat untuk menolong mereka.

5.06 ptg.

**Tuan Liew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul Yang Berhormat Peguam Negara untuk meluluskan Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak dalam pendahuluan-nya dalam Buku Merah ini menyebutkan bahawa:

"Buku Merah Rancangan Malaysia Kedua menentukan garis panduan yang penting untuk mencapai kemajuan sosio-ekonomi yang pesat di negara ini dengan memberikan peluang, hak serta tanggungjawab kepada semua rakyat Malaysia menyertai dan menikmati dengan saksama. Hasil daripada usaha-usaha kita membentuk satu bangsa yang bersatu bukan sahaja akan dinikmati oleh jenerasi sekarang, tetapi juga oleh jenerasi-jenerasi yang akan datang."

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan semangat dan falsafah ini, saya suka hendak membuat analisa tentang R.M.K. atau S.M.P. ini dan tentang matlamat-matlamat asal berbanding dengan kejayaan-kejayaan dalam 3 tahun pertama rancangan tersebut

dan tentang cabaran-cabaran di masa hadapan. Dua matlamat hasil R.M.K. adalah:

- (i) Untuk meninggikan taraf pendapatan mengikut pukul rata dari \$1,080 setahun bagi tahun 1970 sehingga menjadi \$1,300 bagi tahun 1975;
- (ii) Untuk mengadakan 596,000 pekerjaan baharu atau mengikut pukul rata kira-kira 120,000 pekerjaan dalam setahun supaya kadar pengangguran (unemployment) tidak melebihi 7.3% dari tenaga buruh yang ditaksirkan bagi tahun 1975.

Oleh sebab hal-hal yang saya akan sentuh memerlukan penggunaan istilah-istilah technical atau dalam economics, izinkanlah saya menggunakan bahasa Inggeris dalam ucapan saya ini, walau bagaimanapun tatkala menyentuh perkara-perkara dasar dan untuk menekankan sesuatu, saya akan menggunakan Bahasa Malaysia.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, the Mid-Term Review has shown that during 1971 to 1973 the economy expanded by 11% annually and although this is a rate higher than the original planned target of 6.5% at current prices, it must be pointed out that this achievement was brought about by an exceptionally high growth rate of 20.4% in 1973 alone, whereas in 1971 and 1972, the G.N.P. grew by 5.6% and 7.5% respectively. This achievement in real terms, however, was 6.9% per annum, so that if we take population growth at 2.7% per annum, the real per capita income grew by 2.8% per annum reaching, therefore, at \$1,166 per capita income in 1973 whereas the target is \$1,003 in 1975. This, of course, has been due to the exceptionally high growth in 1973 brought about by the high prices of our major export commodities in response to booming conditions abroad. This shows that external economic conditions continue to have a considerable influence on our economy.

An examination of the export performance of the four major primary commodities bears this out:

- (1) *Rubber.* Rubber prices in 1973 have hit the highest levels since 1960 and in the last few months have reached levels reminiscent of the Korean war boom. The volume of rubber exports has also increased by 17% for the first

nine months of 1973. The total export value of rubber for 1973 is expected to increase by 73% over 1972.

- (2) *Timber* (both sawn logs and sawn timber) is now the second highest export earner of foreign exchange, contributing towards 22% of total merchandise exports. The export earning from sawn timber is expected to show an increase of 115% over 1972.
- (3) *Tin*. Although the volume of tin exports is expected to decline by 6% in 1973 from 1972, prices have registered the highest levels ever, with the average price for the first nine months of 1973 reaching \$670 per picul and in recent months shooting above the \$1,000 per picul level.
- (4) *Palm oil*. Palm oil has grown to be the fifth largest source of export earning. Malaysia now supplies 64% of the total world exports of palm oil. With high prices and increasing export volume, export receipts for 1973 are expected to increase by 28% over 1972.

Tuan Yang di-Pertua, the above survey shows that the remarkable performance of Malaysia's four major primary commodities in 1973 and with new discoveries of petroleum now reaching 99,000 barrels per day, good prospects no doubt lie ahead.

Berhubung dengan eksport barang-barang utama sukarlah bagi kita pada masa ini untuk membuat ramalan tentang harga-harga pasaran dunia dalam beberapa tahun ke hadapan, terutama sekali dengan sebab kemungkinan terjadinya recession di seluruh dunia berikutan dari krisis tenaga (energy crisis) yang dialami sekarang. Buat jangka panjang adalah dijangkakan bahawa harga-harga itu akan turun sedikit demi sedikit dari puncak-puncak harga pada masa sekarang. Dengan adanya tekanan-tekanan inflasi di mana terlalu banyak wang sedang mengejar terlalu sedikit barang, satu-satunya tindakan yang perlu difikirkan oleh Kerajaan untuk mematah tekanan-tekanan inflasi itu supaya mengurangkan daya membeli (purchasing power) di kalangan pengeluaran-pengeluar bahan-bahan utama ialah dengan mengujudkan sesuatu cukai atau

anti-inflationary cess ke atas eksport barang-barang utama ini. Cess yang mana hendaklah dikembalikan kepada pengeluaran-pengeluar itu dalam masa harga-harga jatuh kelak. Langkah-langkah yang sedemikian bukan sahaja sesuai dengan keadaan ekonomi yang makmur sebagaimana yang berlaku sekarang, tetapi ia juga mengandungi satu jaminan kepada pengeluaran-pengeluar bahan-bahan utama yang selalunya terancam akibat keadaan harga di pasaran dunia yang naik-turun dan tidak dapat dikawal oleh mereka.

Dapatlah kita lihat dari analisa ini bahawa kita boleh dikatakan bernasib baik dalam tahun 1973, yakni di pertengahan R.M.K. kita mendapati kejayaan yang cemerlang dari bahan-bahan eksport kita. Jika tidak dengan sebab harga-harga yang tinggi, yang masih kita alami sekarang dan hendaknya akan berterusan dalam tahun 1974, ekonomi Malaysia tidak mungkin mencapai kadar perkembangan yang dijangkakan itu. Walau bagaimanapun, apa-apa kemajuan yang telah kita capai dalam sektor eksport nampaknya telah dihapuskan oleh keadaan inflasi di dalam negara kita.

However, what we have gained in our export sector performance seems to have been wiped out by domestic inflation. Whilst G.N.P. grew by 20% in 1973 alone, the price index is reported to have increased by 18% in November, 1973 as compared with November, 1972. No economy, however strong the export sector, can continue to withstand such inflationary pressures and it is today one of the most serious problems facing the economy, and, if unchecked, may well jeopardise the success of the Second Malaysia Plan.

Until 1971, the Malaysian economy can be said to have had a fairly lengthy period of both wage and price stability. By and large, salaries and incomes in Malaysia, particularly in the public sector, had been contained at a fairly stable level. In 1973, particularly, the consumer price index has risen sharply—an increase of about 10% in 1973 over the very small increase of 3.2% in 1972. In October, 1973 alone, it rose by 15.5% over October, 1972. This is a sharp increase when compared with the remarkable price stability over the past two decades and this makes inflation in Malaysia more keenly felt than that prevailing in the

industrialised countries where inflationary trends had been increasing at an average rate of 5% per annum over the last 5 years. So, we are just beginning to feel inflation and it is some feature which is new in our economy.

As a result of the buoyant private sector demand, private consumption in Malaysia in 1973 is estimated to increase by about 14% at current prices, with real increase at about 6 to 7 percent above the 1973 level. The increase in real consumption is due to the boom, as I explained earlier, created by the phenomenal increase both in the volume and value of Malaysia's primary export commodities and the general rise in the level of economic activity in 1973. Private investment at current prices is expected to increase sharply by over 20% in 1973. Imports of investment goods have surged by 16% in the first 9 months of 1973 over a similar period in 1972, due mainly to increase in the imports of metal manufactures, iron and steel, chemicals, etc. reflecting the strong construction boom experienced during the year. Investment in manufacturing, which has been the most important growth sector since 1970, accounts for about 25% of the total private investment and is expected to accelerate in 1974 when private sector demand, enhanced by the export boom, is expected to be even higher.

Moreover, particularly during 1972 and the first half of 1973, the boom conditions in the major industrialised countries of the West provided additional impetus to the inflationary tendencies in this country. Consequently, part of this inflation was imported into Malaysia in 1973. Such imported inflation was reflected not only in capital goods and services but also in staple necessities such as rice, flour, dairy products and consumer goods such as fertilisers, newsprint, steel, chemicals, etc.

1973 stands out as a phenomenal year in that there was a world-wide shortage of not only primary commodities but also industrial raw materials, with consequent sharp increases in prices. This world-wide inflationary trend was made worse by currency instability leading to a turbulent international monetary scene with consequent devaluation, revaluation and floating of the major currencies of the world. Fortunately,

as you yourself, Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua has pointed out, the Malaysian currency stood up well as can be seen from the fact that since November 1971 until June 1973, Malaysia's ringgit appreciated by 19% against the U.S. dollar and 17% against the Sterling but depreciated by 4% against the Yen and 8% against the Deutch Mark.

Pardon me if I now use a little bit of the economist's jargon here. Inflation can be due to what is called "demand pull" inflation which is caused by increasing demand resulting in increasing prices of local raw materials or imported consumer and durable goods. "Demand pull" inflation usually leads to "cost push" inflation, i.e. money incomes fall behind price increases in the essential commodities like rice, sugar, rents, etc; thereby reducing real incomes. Wage earners and those with fixed incomes consequently find that their incomes cannot cope with the rise in prices of goods and services leading to demands for increase in wages and salaries, thus setting off a spiral of wage and price increases brought about by the interaction of "cost push" and "demand pull" inflation.

Tidaklah dapat disyakkan lagi bahawa ekonomi Malaysia sekarang menghadapi inflasi atau demand pull inflation. Dengan adanya kenaikan harga barang-barang, terutama sekali barang-barang makanan, upah buruh dan pendapatan di kalangan pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah tidaklah mampu mengejar aliran inflasi itu. Walaupun faktor utama yang mempengaruhi harga barang-barang ialah berakibat dari inflasi yang dibawa masuk (imported inflation), oleh kerana 50% barang-barang impot Malaysia datangnya dari negara-negara luar, faktor-faktor dalam negeri juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi keadaan inflasi di Malaysia. Dasar-dasar mengenai tarikh sebagai langkah pemeliharaan pioneer industries telah memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha untuk menaikkan harga mereka. Daya pembelian yang lebih akibat dari eksport yang begitu lumayan, bertambahnya pinjaman-pinjaman bank kepada sektor swasta, dan bertambahnya perbelanjaan Kerajaan telah juga mempengaruhi kenaikan pada jumlah permintaan. Semuanya telah mengakibatkan bertambahnya bekalan wang dan telah menghasilkan satu keadaan di mana terlalu

banyak wang sedang mengejar terlalu sedikit barang. Mujurlah gaji dan pendapatan sedang dipertahankan pada paras yang agak rendah, tetapi semakin lama semakin sukar bagi sektor awam dan swasta untuk mengawal tuntutan gaji lebih dari kakitangan dan buruh yang bekerja dengan mereka.

Several monetary and fiscal measures have been implemented during 1973 to counter the inflationary trend such as floating the Malaysian ringgit to minimise the impact of exchange revaluations and inflation abroad, lifting of import controls on essential commodities both for consumption and investment, reduction of tariffs and liberalisation of imports, and the provision of Government rice subsidies. There has also recently been a tightening of monetary policy to check the unusually high growth rate of money supply, which at the end of July 1973 has reached an annual record rate of 46% as compared to July 1972.

Now, one of the classical measures to check inflationary trends brought about by the increase in private sector spending is a wage and incomes freeze, but in Malaysia such a step is not desirable nor feasible as the bulk of our lower income groups are from the rural sector.

Apakah langkah yang dapat kita ambil, what steps shall we take? Kepada orang-orang awam atau rakyat jelata inflasi bermakna yang ia tidak lagi mendapati wangnya mempunyai nilai-nilai asalnya. Langkah-langkah anti-inflasi perlulah mempunyai tujuan untuk mempertahankan daya pembelian dari wang ringgitnya. Jika pada hari ini \$1 boleh membeli hanya 2 kati tepung atau lebih sedikit pada 2 kati gula atau beras dia merasa bahawa ada sesuatu yang tidak betul dalam ekonomi negara tidak kira betapa kukuh pun ringgit Malaysia bertanding dengan Dollar America atau pound sterling. Oleh itu perlulah diadakan satu dasar mengenai harga (we must have a prices policy) terutama sekali bagi barang-barang keperluan seperti beras, tepung, gula dan juga bagi barang-barang seperti petrol, minyak tanah, baja dan sebagainya yang pengaruh masing-masing ke atas ekonomi.

Saya suka mengusulkan bagi pertimbangan Kerajaan sesuatu rancangan penyokong harga atau price subsidy scheme sekurang-kurangnya bagi barang-barang makanan

supaya tertutup inflasi harga dan tidak tertumpah hingga menyebabkan inflasi gaji. Jika tidak, kita akan menghadapi keadaan sama seperti di United Kingdom di mana inflasi tarikan harga dan tolakan gaji telah menyebabkan barang-barang British tidak lagi dapat bertanding dipasaran dunia dan dengan itu mempengaruhi timbangan perniagaannya.

Dalam kajian saya mengenai perkembangan ekonomi bagi tahun 1973 terutama sekali dari segi tekanan inflasi, saya dapati sesuatu keadaan yang jelas yakni kalangan rakyat miskin baik di luar ataupun di dalam bandar pekerja-pekerja bergaji dan orang-orang yang mempunyai pendapatan tetap tidak dapat mengecap nikmat walaupun ekonomi negara telah maju ke hadapan. Maka dengan adanya sebilangan besar kaum-kaum yang tak berada di kalangan kita bolehlah diduga akan membangkitkan masalah sosial politik yang mana telah kelihatan tanda-tandanya di masa sekarang ini.

As for the second important target where creation of new jobs is concerned during the period under review, 348,000 jobs or 58% of the original Plan target has been achieved and that by 1975, it is hoped that unemployment will be kept at 7% of the projected labour force. Although the Mid-Term Review shows that prospects for employment for 1974-75 are promising with about 252,000 new jobs being created in agriculture, manufacturing, commerce and the services sectors, there still exists considerable youth unemployment and under-employment. This is serious because young people between 15-25 years of age make up 30% of our labour force. An increasing proportion of our labour force is becoming better educated and is thus changing the pattern of labour demand. For instance, today there are more job seekers for clerical and white-collar jobs whereas there are more vacancies for skilled blue-collar workers than there are job seekers. There has also been ineffective use of available trained manpower. Some economists say that unemployment in Malaysia is 90% one of general scarcity of jobs and only 10% one of matching supply with demand for labour, thus resulting in a wastage of limited manpower resources. A simple example is the unemployability of Nanyang and Taiwan University graduates because of non-recognition of their degrees.

The question is: Can the manufacturing, commerce and service sectors generate sufficient new jobs to maintain the unemployment rate at a more equitable level? Or should greater emphasis be put on creating new job opportunities in the agricultural sector such as in land development schemes? To answer this question one has to look at the total economic growth, the investment climate, the availability of land development capacity and the overall development strategy. One would say that by and large the investment targets can be achieved, both in agriculture and in manufacturing. In manufacturing, the growth rate is about 11% and prospects for further industrialisation particularly for the export sector are good. However, the Mid-Term Review brings out very clearly that land development presents the best prospects for generating new jobs. In 1971-73, 55% of the Plan target was achieved, involving the development of 594,224 acres or roughly 600,000 acres.

Land development schemes especially of the FELDA type provide opportunities for the poor and landless to move into the modern rural sector, which in many respects provide greater net incomes per person than those in the traditional urban sector (such as hawkers, retail shops, domestic service, etc.). If land development can be maintained at the rate of 200,000 acres per annum, the rate of growth of cultivated land at 2-2½% of the total land acreage per annum might well exceed the growth of the labour force in agriculture which is at 1-1½% per annum.

Kemajuan tanah baikpun seperti mana yang diusahakan oleh FELDA ataupun secara membahagi-bahagikan tanah kepada kalangan miskin yang tidak mempunyai tanah di kawasan-kawasan bandar merupakan satu alat yang boleh membaiki keseimbangan ekonomi di antara berbagai kaum itu.

Tuan Yang di-Pertua, ini menumpukan perhatian kita kepada konsep Dasar Ekonomi Baru yang seperti mana sekalian Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum mempunyai dua matlamat besar, iaitu:

- (i) Untuk menghapuskan kemiskinan dengan tidak mengira kaum;
- (ii) Untuk menyusun semula masyarakat supaya tercapai imbalan ekonomi di antara kaum.

Dasar Ekonomi Baru ini adalah berasaskan satu konsep bahawa keadaan politik yang tidak stabil itu berpunca terutama sekali dari tidak seimbangan ekonomi atau dari keresahan ekonomi. Dari itu kemiskinan, pengangguran dan keadaan ekonomi tak seimbang di kalangan kaum mestilah dihapuskan jika perpaduan negara hendak dicapai. Menyusun semula masyarakat hendaklah dilaksanakan dengan mengadakan peluang-peluang baru supaya sesuatu kaum itu tidak akan kehilangan hakmiliknya. Nyatalah bahawa dasar menghapuskan kemiskinan itu di terima oleh semua pihak. Nampaknya rancangan-rancangan kemajuan yang penting dalam RMK ini adalah bertujuan mempermodenkan sektor luar bandar.

Misalnya menggendakan kadar kemajuan tanah baru, mempermodenkan pekebun-pekebun kecil, memperluaskan kredit dan pasaran dan sebagainya, meluaskan kegiatan perkembangan pertanian, mewujudkan perbadanan-perbadanan kredit dan pemasaran dan sebagainya. Oleh sebab sektor-sektor luar bandar dan dalam bandar yang mundur itu terdiri dari orang-orang yang berpendapatan rendah, perhatian yang sama patutlah diberikan untuk menghapuskan kemiskinan di dalam bandar. Patutlah diadakan peruntukan bagi sektor awam untuk memperbaiki kawasan-kawasan miskin di pekan-pekan, kampung-kampung baru dan pemindahan-pemindahan penduduk-penduduk bandar kepada kawasan-kawasan luar bandar yang teratur.

As for the policy of restructuring of society, all Malaysians must first understand the need to restructure society so as to eliminate the identification of race with economic function. This concept is laudable, but it must be pursued in the context of an ever expanding economy. In other words, the national cake must first grow larger and in the enlarged cake there is room for all, except that under this policy of restructuring society future redistribution of wealth is controlled. The emphasis is on distribution rather than on production.

There are critics who may pose the question: If unemployment and poverty are not sufficiently well eliminated first among all the racial groups, can restructuring be achieved within the context of creating new opportunities? Which should come first? Should newer opportunities be allocated to all

unemployed and the poor irrespective of race, or only to those enjoying the benefits of the restructuring process? However, I would like to emphasise that unless all Malaysians fully understand and accept this concept of restructuring society, the New Economic Policy may not succeed.

There is no doubt if national unity and political stability is to be achieved in our multi-racial society, the present economic imbalances must be redressed. At the same time, poverty and unemployment which afflicts all racial groups must be eliminated.

Two-thirds of Malay employment is in the traditional rural sector and an equally large proportion of non-Malay employment is in the traditional urban sector. The income disparity problem cannot be solved by merely moving all the Malays into the higher productivity sector in the urban areas. Whilst the traditional urban sector is a low income sector, it is perhaps in the modern rural sector where the productivity is considerably higher—for example, in FELDA and other land schemes. Conceptually, therefore, if one postulates a fast rate of growth of Malay employment in the urban areas, one has to minimise or discourage non-Malay migration into the towns and the cities. Limiting the migration of non-Malays into the urban sector would mean that half a million non-Malays would have to be provided with jobs in the rural sector. In other words, there has to be increasing agriculture employment provided for the non-Malays.

Would it not be possible for a balanced development strategy to be formulated whereby, whilst the target is for the Malays to move as quickly as possible into the industrial and commercial sectors of the economy, the non-Malays in the low income and low productivity urban sectors should be encouraged to migrate into the rural areas such as in FELDA-type land schemes, FELCRA Youth Schemes, Fringe alienation schemes, etc. By so doing, this will also bring about a narrowing of the gap between the "haves" and the "have-nots" of all Malaysians, which is consistent with the first prong of the New Economic Policy and at the same time achieving the second prong of restructuring society, thus ensuring a better life for all Malaysians.

Tidaklah dapat diragukan bahawa Dasar Ekonomi Baru adalah menjadi tujuan utama R.M.K. Walau bagaimanapun dalam melaksanakannya supaya berjaya, kita menyusun semula masyarakat Malaysia dan memperbaiki peluang-peluang hidup bagi semua golongan masyarakat, janganlah pula membangkitkan perasaan kepada sesiapa jua pun yang kehidupannya itu terhimpit. Penyusunan semula masyarakat adalah merupakan satu proses dua aliran dan perlulah ada semangat tolak ansur di semua pihak. Maka dalam hal inilah kita perlu mengkaji Perspective Plan tahun 1970 hingga 1990 yang membayangkan masyarakat Malaysia yang kita cita-citakan dalam jenerasi yang akan datang. Kita mahu mewujudkan satu masyarakat di mana semua rakyat mempunyai peranan dan hak yang sama dalam perkembangan sosial dan ekonomi. Saya bersetuju sepenuhnya dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Abdul Razak di kala mencadangkan supaya diterima kajian semula setengah penggal R.M.K. di Dewan Rakyat, di mana Yang Amat Berhormat Tun berkata bukanlah menjadi tujuan Kerajaan untuk menukarkan keadaan tak seimbang di kalangan kaum Melayu dan lain-lain kaum bumiputra yang ada sekarang ini kepada keadaan tak seimbang yang akan berlaku di kalangan orang-orang bukan bumiputra. Kita berharap dan berdoa bahawa proses penyusunan semula tidak dibangkitkan keadaan tidak seimbang yang lain pula yang boleh meruntuhkan perpaduan sosial dan politik di kalangan masyarakat berbilang kaum yang mana sebagaimana yang dicadangkan dan saya percaya bukan sahaja ditekankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini dan segenap lapisan rakyat tidak dikira kaum, warna atau kepercayaan bahawa kita adalah bertujuan untuk mewujudkan mengikut semangat Rukunegara, satu masyarakat yang adil lagi saksama dan satu bangsa yang bersatu padu dan progresif yang boleh semua kita banggakan untuk berkorban dan mempertahankan dengan jiwa rakyat kita. Oleh itu, janganlah kita biarkan perbuatan kita bercanggah dari kata-kata kita.

5.37 ptg.

**Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi satu penghargaan besar dan kehormatan bagi saya yang diberi kepada saya untuk duduk di

dalam Dewan Negara ini. Saya amatlah berterima kasih kepada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Sabah terutama sekali kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun yang telah melantik saya sebagai salah seorang daripada dua orang wakil daripada Sabah kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan sokongan kepada Kerajaan Pusat di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein, Perdana Menteri Malaysia, kerana dengan pimpinan beliau kita telah mendapat mencapai beberapa kejayaan di dalam beberapa perkara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan keizinan tuan, saya ingin berucap mengenai beberapa perkara yang timbul daripada tinjauan Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua terutama berkenaan dengan Negeri Sabah.

Di dalam masa lebih kurang 10 tahun yang lalu yakni setelah mencapai kemerdekaan melalui Malaysia, Sabah telah mencapai kemajuan yang pesat di dalam banyak bidang pembangunan. Masa tiga tahun yang pertama (1971-1973) Rancangan Malaysia Kedua adalah juga merupakan masa kemajuan yang sama. Negeri Sabah telah terus mencapai kemajuan yang pesat dan daripada apa yang dapat dilihat sekarang, matlamat yang di tetapkan untuk Sabah di bawah rancangan ini akan dicapai di dalam masa yang dijadualkan.

#### *Ekonomi Negeri Sabah*

Ekonomi Negeri Sabah telah berkembang berikutan dengan adanya berbagai-bagai rancangan Kerajaan terutama sekali di tahun sudah di mana pengeluaran yang berlebihan telah dicatit dan harga-harga pasaran dunia untuk kebanyakan daripada barang-barang eksport terutama kayu balak, kelapa sawit, getah dan koko adalah juga tinggi. Walau bagaimanapun, banyak lagi yang harus dilakukan untuk memenuhi keperluan dan aspirasi rakyat supaya mereka dapat mengecap taraf kehidupan yang lebih baik.

#### *Memperbaiki Taraf Pelajaran*

Satu perkara yang merupakan sebagai masalah yang dipandang sangat berat di Negeri Sabah hari ini ialah tentang soal pelajaran. Memperbaiki taraf pelajaran dan pendidikan nampaknya merupakan satu keperluan yang paling penting di negeri itu. Satu contoh yang boleh diambil ialah dalam peperiksaan yang sama yang di-duduk oleh semua penuntut seperti di Negeri-negeri lain. Penuntut-penuntut Sabah menunjukkan mutu kebolehan yang rendah sekali. Banyak ibu-ibu bapa terkejut mendapat tahu baru-baru ini bahawa daripada jumlah 7,059 orang calon-calon sekolah yang menduduki Peperiksaan SRP/LCE dalam tahun 1973, hanya 2,291 penuntut sahaja yang lulus dengan Pangkat A atau B. Ini bermakna bahawa hanya lebih sedikit daripada 30 peratus sahaja penuntut-penuntut yang menduduki peperiksaan itu telah berjaya dinaikkan ke Tingkatan IV. Yang lainnya terpaksa beradu nasib untuk mendapatkan tempat yang benar-benar sedikit untuk mengulangi Tingkatan III. Beberapa ribu murid-murid lagi yang gagal yang berumur di antara lingkungan 14 dan 15 tahun sekarang ini menghadapi masalah seperti tidak ada apa yang hendak dibuat oleh kerana mereka masih muda untuk mencari pekerjaan.

Ada banyak sebab-sebab yang menyebabkan pertunjukan yang rendah mutunya. Penukaran guru-guru yang selalu dibuat, perkara kurang disiplin, kekurangan kutub-khanah dan lain-lain kemudahan dan kekurangan guru-guru "career teachers" yang terlatih adalah cuma beberapa penyakit sahaja yang disuarakan oleh ibu-ibu bapa tadi. Kementerian Pelajaran hendaklah mengambil berat tentang masalah ini dan menjalankan kajian yang mendalam dengan niat untuk memperolehi solusi yang praktikal untuk masalah pendidikan yang dihadapi oleh Negeri itu.

#### *Sekolah Vokesyenal*

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua rancangan memperluaskan Sekolah Vokesyenal di Likas yang berdekatan dengan Kota Kinabalu, akan dilaksanakan dan Pusat Latihan Kemahiran di Sandakan akan ditukarkan menjadi Sekolah Vokesyenal. Kerja-kerja mendirikan suatu lagi Sekolah Vokesyenal yang baru di Tawau sedang dijalankan juga.

Saya ingin menyeru kepada Kementerian Pelajaran untuk mengkaji semula kemajuan di segi pendidikan di Sabah. Penubuhan sekolah-sekolah Vokesyenal memerlukan biayai yang besar dan kakitangan yang terlatih dengan banyaknya. Pada pendapat saya, satu lagi Sekolah Vokesyenal samada di Sandakan atau Tawau perlu didirikan untuk memberi latihan kepada belia-belia daripada Residensi Pantai Timur (Sandakan dan Tawau), manakala Sekolah Vokesyenal Likas pula boleh menampung mereka daripada Residensi-residensi Pantai Barat, Pendalaman dan Labuan. Baki yang terdapat daripada biayai penubuhan Sekolah Vokesyenal yang ketiga bolehlah disalurkan kepada pembinaan lebih banyak sekolah-sekolah kemahiran di lain-lain bandar di Negeri Sabah supaya lebih banyak lagi murid-murid yang meninggalkan bangku sekolah terutama sekali mereka-mereka yang terlalu muda untuk mencari pekerjaan diberikan peluang mempelajari latihan kemahiran itu.

#### *Harga Barang-barang*

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Laporan Kerajaan mengenai Tinjauan Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua, satu bahagian telah dikhususkan mengenai masaalah prospek dan dasar-dasar yang berkaitan dengan pergerakan harga-harga di negeri ini. Juga telah disebutkan bahawa beberapa unsur-unsur inflasi telah terdapat di Sabah berikutan dengan kekurangan tenaga kerja dan sistem pembahagian yang tidak teratur.

Harga-harga yang melambung tinggi di Negeri itu adalah juga satu lagi perkara yang telah dipandang dengan berat oleh penduduk-penduduk semenjak beberapa waktu. Unsur-unsur inflasi sejak baru-baru ini dan kenaikan harga minyak petrol telah membuatkan perkara itu menjadi lebih buruk lagi. Malangnya, setengah daripada langkah-langkah Kerajaan yang bertujuan untuk menyekat kenaikan harga tidak memperolehi matlamat yang diharapkan. Misalnya, pengecualian dan pengurangan cukai ke atas 33 jenis komoditi penting yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Ucapan Belanjawan beliau tidak menghasilkan apa-apa pengurangan harga terhadap barang-barang itu. Sebaliknya pula, harga-harga bagi setengah daripada barang-barang itu menjadi semakin tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya sesungguhnya berpendapat bahawa Kerajaan hendaklah dilengkapkan dengan jentera yang betul dan lebih kukuh untuk menentukan bahawa langkah-langkah dapat dilaksanakan dengan berkesan demi untuk faedah orang ramai. Jikalau tidak, sebarang pengurangan atau pengecualian cukai Kastam bukanlah akan mengurangkan harga-harga untuk pengguna-pengguna, tetapi sebaliknya hanya akan memberikan keuntungan kepada pihak peniaga-peniaga sahaja.

#### *Tanda Harga*

\*Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan terhadap Akta Kawalan Harga, yang memestikan pengilang-pengilang, pembekal-pembekal dan lain-lainnya supaya menunjukkan tanda-tanda harga, saya rasa, adalah juga satu usaha yang sia-sia jikalau pindaan tersebut tidak termasuk keperluan bagi pengilang-pengilang dan lain-lain pembekal-pembekal untuk menyediakan kepada Pegawai-pegawai Kementerian Perdagangan dan Perindustrian senarai-senarai harga di dalam perantaraan masa yang tetap seperti dua minggu sekali atau pun sebulan sekali, terpulanglah kepada jenis barang-barang tadi.

Hanya apabila senarai harga-harga itu dapat diadakan, pihak Kementerian akan dapat memperhatikan pergerakan harga diperingkat-peringkat yang berlainan. Sudah semestinya ini akan memberatkan lagi tanggungjawab Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Keperluan untuk mengokohkan jika hendak memperluaskan lagi Bahagian Penguatkuasa Kementerian ini adalah mustahak sekiranya Kementerian ini ingin menjalankan tugas-tugas dengan lebih sempurna.

#### *Pegawai Penguatkuasa*

Di Sabah di mana terdapat sejumlah 22 Daerah dan seramai 700,000 penduduk yang luasnya lebih dua kali besar daripada Negeri Pahang hanya terdapat 3 orang sahaja Pegawai Penguatkuasa yang ditempatkan di Kota Kinabalu. Untuk bertugas di seluruh Negeri itu, saya rasa, sekurang-kurangnya diperlukan 10 atau pun 15 orang pegawai-pegawai yang seumpama itu untuk menjalankan tugas-tugas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soal negara Malaysia pula pada keseluruhannya soal yang paling penting bagi rakyat di

seluruh ceruk rantau pada masa ini seperti yang saya sebutkan di Sabah juga tadi ialah berkenaan soal kenaikan harga barang-barang yang melambung tinggi. Kenaikan harga barang-barang yang begitu tinggi bukan sahaja menyusahkan, tetapi juga menunjukkan rakyat jelata terutama sekali dalam masa baru-baru ini. Oleh sebab yang demikian, saya harap Kerajaan akan bersungguh-sungguh mencari jalan untuk menghadapi soal ini dengan mengambil tindakan yang lebih berani untuk mengatasi soal kenaikan harga barang-barang dan inflasi.

#### *Kuok Brothers*

Tuan Yang di-Pertua, soal kenaikan harga barang-barang adalah juga berkaitan dengan soal monopoli yang sedang menjadi-jadi di negeri ini. Beberapa orang yang terpilih seperti Kuok Brothers mendapat layanan yang luar biasa. Mereka mempunyai bahagian yang besar di dalam pengeluaran gula serta tepung di dalam negeri ini. Mereka mempunyai bahagian yang besar di dalam perusahaan perkapalan dan juga di dalam Syarikat Malaysia Shipyard dan Engineering Sdn. Bhd. Tidak ada banyak negeri di dalam dunia ini yang memberi peluang kepada segolongan kecil untuk menjalankan dasar monopoli mereka seperti gula, tepung dan lain-lain pengeluaran yang diperlukan oleh rakyat jelata.

#### *Mencegah Dasar Monopoli*

Tuan Yang di-Pertua, Amerika Syarikat ialah satu negeri yang berdasarkan kapitalis. Namun demikian, Amerika Syarikat pun mempunyai anti-monopoli atau anti-Trust Law yang mencegah dasar monopoli, dan kita selalu membaca di dalam surat-khabar bahawa sesuatu golongan syarikat pernah didakwakan di hadapan Mahkamah kerana menjalankan dasar monopoli. Tetapi di negeri kita ini bukan sahaja mencegah dasar monopoli, bahkan kita menolong pihak-pihak yang menjalankan dasar monopoli itu. Saya harap Kerajaan Perikatan kita akan mengambil langkah yang cepat untuk membuat satu undang-undang baru bagi mencegah keadaan yang sedang bermaharajalela di dalam negeri ini.

#### *Refinery/Petro-Chemical Industry*

Tuan Yang di-Pertua, kelmarin juga Yang Berhormat Peguam Negara telah memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa

Malaysia akan menjadi Pengeluaran Minyak yang penting dalam masa hadapan. Saya harap Kerajaan akan menggunakan kekayaan yang ada pada kita ini untuk dijadikan sebagai "bargaining power" untuk meminta pihak swasta dari lain-lain negeri melalui Kerajaan-kerajaan mereka supaya dapat menubuhkan Refinery dan Petro-Chemical Industry di dalam negeri kita ini, jika mereka hendak membeli minyak daripada kita. Apa yang saya maksudkan di sini bahawa kita patut berterus terang dengan pihak-pihak yang akan membeli minyak daripada kita tidak akan menjual minyak kepada mereka selagi mereka tidak akan mendirikan Refinery dan Petro-Chemical Industry dengan secara perkongsian dengan pihak kita di dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada lagi satu perkara yang saya rasa yang boleh kita buat iaitu jika kita melihat kepada Negeri Jepun, mereka banyak menggunakan makanan-makanan dari luar negeri, sebab cuma 20 peratus sahaja daripada negeri mereka dapat ditanami dengan makanan ataupun diduduki oleh manusia. Ada banyak kawasan tanah di Malaysia yang dapat dijadikan kawasan padi dengan secara besar-besaran. Ada satu Penyata Bangsa-bangsa Bersatu yang menyatakan bahawa kawasan Labuk dan kawasan Kinabatangan di Sabah yang seluasnya tidak kurang daripada suku juta ekar adalah kawasan yang sesuai untuk ditanamkan dengan tanaman padi dengan secara besar-besaran. Jadi, dengan melalui Kerajaan kita, kita boleh membuat tawaran kepada pihak Jepun untuk berkongsi dengan kita menjalankan perusahaan yang besar-besaran dan hasil dari perusahaan di kawasan itu akan dijual kepada Negeri Jepun. Cara-cara menggunakan "bargaining power" yang sedang dijalankan oleh banyak negeri di dalam dunia ini patut dijadikan satu contoh kepada kita dan Kerajaan kita tidak patut ketinggalan di dalam soal ini.

#### *Biro Narkotik*

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Dewan Negara, saya akan lalai dari kewajipan saya, jika saya tidak membawakan perkara yang bersangkutan dengan dadah, yang sekarang sedang menjadi-jadi di negeri ini. Banyak pemuda-pemudi kita telah rosak oleh penyakit yang merbahaya dan sungguhpun Kerajaan sedang mengambil beberapa langkah, tetapi saya rasa langkah-langkah

yang telah dijalankan itu belum lagi cukup untuk membersihkan negeri ini daripada bahaya-bahaya dadah yang telah saya sebutkan tadi. Saya hairan, kenapa dadah boleh senang dibeli di dalam Kuala Lumpur ini. Tanya sahaja kepada pemandu-pemandu teksi mereka akan memberitahu di mana boleh membeli dadah dan siapa yang menjualnya. Apa yang menghairankan saya ialah banyak orang yang tahu, tetapi pihak Biro Narkotik dan pihak Polis tidak mengetahui perkara ini. Saya harap pihak yang berkenaan akan mengambil perhatian yang lebih berat dan pihak Mahkamah pula akan menjalankan hukuman yang lebih tepat dan tidak diringan-ringankan lagi hukumannya jika didapati mereka yang bersalah.

#### *Perkhidmatan Keretapi*

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada Badan yang paling tidak cekap di Semenanjung Malaysia ini ialah Perkhidmatan Keretapi. Beberapa pelanggaran yang telah berlaku dan mengakibatkan banyak kehilangan jiwa dan mengalami kerugian yang berjuta-juta ringgit. Saya harap Kementerian yang berkenaan, terutama sekali Yang Berhormat Menteri akan mengambil tindakan yang tegas ke atas pihak-pihak yang lalai daripada kewajipan mereka dan perkara-perkara yang demikian tidak akan berlaku lagi.

#### *Syarikat Penerbangan Kebangsaan Malaysia (MAS)*

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya rasa patut saya sebutkan di sini ialah berkenaan dengan Syarikat Penerbangan MAS. Syarikat Penerbangan MAS ialah sebuah Syarikat Penerbangan Kebangsaan Malaysia yang menjadi titi di antara Semenanjung Malaysia dengan Negeri Sabah dan Sarawak. Tetapi malangnya pihak Lembaga Pengurusan MAS lebih gemar untuk menunjukkan keuntungan yang besar, supaya boleh orang mengatakan yang mereka itu cekap dan pandai kerana mendapat banyak untung daripada Syarikat Penerbangan Singapura, tetapi mereka telah lupa bahawa tujuan asalnya ialah untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat dalam negara ini. Tambang kapal terbang MAS yang sekarang di dalam negeri Malaysia, kecuali di luar negeri ataupun di international route tidak patut dinaikkan, kerana syarikat inilah yang menjadi titi perhubungan di antara

Negeri-negeri di dalam Semenanjung Malaysia dan di Sabah dan Sarawak yang mana jauhnya dipisahkan oleh Lautan China Selatan lebih dari satu ribu batu. Keadaan tambang yang begitu tinggi sekarang akan memisahkan kita lebih jauh lagi kedudukan rakyat Malaysia Barat dan Malaysia Timur, dan titi tadi menjadi Titi Emas yang dapat dilalui oleh beberapa orang yang berada dan beberapa orang pegawai Kerajaan dan pihak swasta sahaja, tidak lagi menjadi titi untuk seluruh rakyat Malaysia. Saya cadangkan di sini patutlah tambang itu dikurangkan supaya banyak lagi rakyat antara dua wilayah ini dapat saling berhubung di antara satu dengan lain dan dengan itu akan merapatkan lagi tali persefahaman dan tali persaudaraan. Dan jika perlu bila kita mempunyai hasil dari minyak nanti, Kerajaan patut memberi subsidi kepada Syarikat Penerbangan MAS supaya mereka dapat mengurangkan tambang-tambang itu lebih lagi terutama di kalangan penuntut-penuntut, pegawai-pegawai Kerajaan serta pegawai-pegawai tentera. Dengan cara itu kita akan dapat menyatupadukan rakyat Malaysia di antara semua wilayah yang saya sebutkan tadi.

#### *Latihan Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan di sini berkenaan dengan latihan Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan dan pegawai-pegawai yang berkhidmat dalam badan-badan yang berkanun. Ada dalam beberapa kali sudah pihak Kerajaan telah menyebutkan yang mereka akan menukarkan Pegawai-pegawai Kerajaan bekerja di dalam badan-badan swasta, tetapi saya harap Kerajaan akan memikirkan tentang menghantarkan Pegawai-pegawai tadi ke sekolah-sekolah seperti Harvard Business School dan lain-lain sekolah yang membuat perniagaan di Amerika Syarikat ataupun di negeri Eropah, ataupun sebaliknya Kerajaan boleh membawa pakar-pakar perniagaan daripada negeri barat, daripada Amerika Syarikat ke negeri ini supaya mereka dapat memberi kursus kepada Pegawai-pegawai Kerajaan kerana kursus-kursus ini bukan sahaja boleh diambil oleh Pegawai-pegawai Kerajaan, bahkan ahli-ahli politik pun boleh mengikutinya supaya mereka boleh mendapat tahu sedikit-sebanyak kedudukan perniagaan dan dengan cara itu mereka akan dapat memberikan sumbangan yang lebih berguna kepada negeri dan rakyat kita semua.

*Pasaran Getah di Kuala Lumpur*

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya suka menyentuh ialah berkenaan dengan Pasaran Getah di Kuala Lumpur. Kerajaan Malaysia telahpun mengumumkan tujuannya bagi menggalakkan pembangunan pasaran getah di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, pihak-pihak yang berhak ataupun vested interests di dalam perniagaan pemasaran getah sedang menghalang dasar Kerajaan untuk menggalakkan pembangunan pasaran getah di Kuala Lumpur dengan menyekat kemasukan orang-orang luar dalam bidang perniagaan pemasaran getah. Umpamanya, bagi perniagaan di bahagian broker getah, tindakan-tindakan halangan yang diambil oleh pihak-pihak yang tertentu untuk menyekatkan orang-orang baharu untuk masuk bertanding di wilayah broker getah ialah dengan mengeluarkan Undang-undang baharu bagi menjadi ahli persatuan perniagaan mereka. Undang-undang yang dimaksudkan berbunyi seperti berikut:

- (1) Selain daripada ahli-ahli asli (founder members), ahli persatuan ini akan dihadkan untuk orang-orang, firma-firma atau syarikat-syarikat yang mempunyai modal yang telah dibayar tidak kurang daripada 1/4 juta ringgit dan salah satu daripada Pengarahnya mempunyai tidak kurang daripada tiga tahun pengalaman di dalam bidang perniagaan broker getah itu.
- (2) Ahli persatuan adalah dikehendaki menjalankan perniagaan broker getahnya di dalam tempoh enam bulan perlantikannya menjadi ahli, sekiranya perniagaan ini tidak diuruskan keahliannya akan dibatalkan.
- (3) Tiap-tiap ahli baharu persatuan akan membayar yuran masuk sebanyak \$5,000. Yuran pada masa dahulu ialah \$100 sahaja.

Ini sudah jelas bahawa tindakan-tindakan yang diambil supaya menghalang dasar-dasar Kerajaan yang saya harap akan mendapat perhatian daripada Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan sekali lagi jutaan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membuat ucapan ini.

6.04 ptg.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Peguam Negara kelmarin bagi membahaskan dan meluluskan Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Kedua yang sedang kita bahaskan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa bahawa buku ini adalah buku yang sangat berfaedah, bukan sahaja kepada Dewan ini, tetapi juga kepada jenerasi kita yang akan datang yang akan membaca serta menelaah apa yang telah dibuat oleh orang-orang tua mereka di dalam membentuk masyarakat dan kehidupan jenerasi itu pada masa yang akan datang. Saya katakan buku ini atau kajian pertengahan ini merupakan suatu kajian yang sangat berani, oleh kerana di dalamnya ternyata beberapa perkara-perkara yang menggambarkan dan membukakan keadaan yang sebenarnya di dalam masyarakat kita. Sebelum daripada kajian dan Rancangan Malaysia Kedua yang berdasarkan kepada Dasar Ekonomi Baharu ini kita jalankan, kita telahpun melalui satu keadaan yang sangat mendukacitakan kita sekalian, iaitu suatu peristiwa di mana menyebabkan kita rakyat Malaysia ini memikirkan, mengasah otaknya serta kembali kepada perinsip kehidupan sebagai warganegara Malaysia.

Sebelum Pilihanraya Tahun 1969 kita telah katakan bahawa rancangan-rancangan kita ialah bagi rakyat Malaysia ini sendiri dan kita harap setiap mulut, setiap parti politik dapat menggunakan kesempatan membela rakyat mengikut lunas-lunas demokrasi yang sihat, halal, menyampingkan atau mengeneipkan kepentingan parti dan peribadi dan mengutamakan kepentingan negara dan rakyat, tetapi nampaknya hal ini telah tidak begitu diambil berat oleh sebahagian daripada orang-orang yang bernafsu politik di dalam negeri ini sehingga kita melalui suatu masa yang gelap. Rakyat telah membayar sebahagian daripada perbuatan mereka itu dengan darahnya, dengan air matanya dan dengan harta bendanya. Peristiwa ini tidakkan dapat dilupakan oleh jenerasi kita zaman-berzaman dan daripada peristiwa inilah kita mencari jalan keluar. Kita cari jalan keluar apakah sebab-sebab, faktor-faktor yang menyebabkan kejadian itu berlaku, kita tubuhkan suatu badan yang kita namakan Majlis Perundingan Negara di mana setiap orang bebas mengeluarkan

fikiran, bebas mengeluarkan pendapatnya untuk mencari jalan keluar daripada kerumitan-kerumitan ini.

Kita bercakap dari hati ke hati dan daripada hasil 22 bulan berunding inilah kita jumpai dua jalan, dua bentuk dua obat yang penting sekali.

Yang pertama sekali, kita harus membuat haluan negara kita ini, yang selama hari ini kita tidak mempunyai haluan negara, ataupun dengan perkataan lain, ideologi negara kita dan kita telah menerima konsep ideologi itu yang kita sebutkan Rukunegara. Perbahasan di dalam Rukunegara ini panjang lebar. Biarlah saya tidak mengulang-ulang soal itu dan setiap Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini akan faham matlamat dan tujuan akhir kenapa kita mempunyai Rukunegara yang demikian rupa. Rukunegara itu tidak akan dapat dilaksanakan tanpa memikirkan faktor-faktor kehidupan rakyat. Faktor yang penting sekali dalam kehidupan rakyat iaitu kita harus membentuk ekonomi negara dengan demikian rupa, sehingga tidak ada rakyat yang merasa bahawa dia ditinggalkan atau dianianyai atau dia tidak mendapat tempat di dalam negaranya sendiri.

Perbahasan tentang soal inipun demikian panjang, sehingga kita mempunyai Dasar Ekonomi Baru. Dasar Ekonomi Baru telahpun diterangkan berkali-kali dan di dalam buku ini dan juga diterangkan dengan jelas bahawa setiap kita dalam Dewan ini telah membaca dengan begitu jelas dan begitu faham iaitu membasmi kemiskinan dan mempercepat proses penyusunan semula masyarakat kita. Setiap orang mengerti soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan ini semua secara ringkas, bukan kita tidak tahu dan kita tidak faham, tetapi kita telah faham dan kita telah tahu, saya sebutkan dan saya ulangi mengikut buku ini supaya ada di antara Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini memahami dan memandang dasar ini sebagai satu dasar yang penting supaya mereka tidak terbawa-bawa dengan aliran sebelum pilihanraya 1969, dan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini dan dalam Dewan Rakyat mementingkan masalah tercapainya cita-cita Dasar Ekonomi Baharu ini lebih daripada perasaan hati kecil.

Tuan Yang di-Pertua, semalam kita mendengar beberapa perkataan-perkataan yang

sesungguhnya sangat merbahaya kalau mereka bercakap di luar Dewan ini. Saya tidak mengerti tujuan mereka itu bercakap demikian. Saya tidak faham kenapa masih ada lagi di antara ahli-ahli politik yang mewakili negeri masing-masing bercakap soal-soal sentimen yang pada fahaman saya sangat merbahaya dan inilah yang telah membawa kita kepada Peristiwa 13 Mei, 1969 dahulu.

Di dalam buku ini, jelas menggambarkan kedudukan rakyat di dalam negeri ini. Ada di antara Ahli Yang Berhormat menyebutkan bahawa orang-orang yang bukan Melayu telah terdesak hidupnya kerana mereka itu telah ditinggalkan dan sebagainya, dan ada di antara Ahli Yang Berhormat memikirkan bahawa Dasar Ekonomi Baru Kerajaan sekarang ini hendak memberi makan satu golongan sahaja atau hendak membela bumiputra sahaja. Saya rasa, tuduhan yang seperti ini atau pendapat yang seperti ini tidak benar. Kalau kita baca betul-betul seperti yang disebutkan di dalam buku ini perbezaan pendapatan seperti yang dinyatakan bahagian pendapatan yang tidak sama rata di dalam negara masih luas, keadaan ini semakin bertambah buruk dengan adanya pembahagian pendapatan yang tidak sama-rata di antara kaum, perbezaan pendapatan di antara kaum berpunca dari perbezaan tumpuan kegiatan ekonomi dan kedudukan pekerjaan di antara kaum di pelbagai sektor.

Buku ini juga mentafsirkan seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 1-2, dalam tahun 1970 pendapatan purata keluarga: Melayu ialah sebanyak \$179 sebulan, sedangkan keluarga Cina sebanyak \$387 dan keluarga India sebanyak \$310 sebulan. Dari jumlah keluarga dalam tingkat pendapatan yang kurang dari \$100 di Semenanjung Malaysia hampir 85% adalah terdiri daripada keluarga Melayu, sementara 9.6% dari keluarga Cina dan 4.9% pula dari keluarga India. Dari jumlah keluarga dalam tingkat pendapatan pertengahan iaitu dari \$400 sehingga \$699 sebilangan besar adalah terdiri dari keluarga Cina iaitu sebanyak 56% dari jumlah bilangan keluarga-keluarga. Keluarga Melayu merupakan lebih dari 31% dan keluarga India sebanyak 12½% dalam tingkat pendapatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah yang saya katakan bahawa bukan ini membuka dengan jelasnya kedudukan atau bentuk masyarakat

kita. Kepada saudara-saudara saya Ahli-ahli Yang Berhormat janganlah tertarik dengan perasaan bahawa sekarang ini UDA sudah ada di dalam bandar, PERNAS sudah bekerja, MARA sudah mara dan banyak lagi seakan-akan semuanya ini hendak diberikan kepada orang Melayu, janganlah ada fikiran seperti itu terbit daripada saudara-saudara saya yang bukan Melayu yang semalam bercakap mengenai soal-soal yang seperti ini. Jangan ada terbit di kepalanya bahawa dasar Kerajaan sekarang ini hendak mengambil hak mereka dan memberikan hak itu kepada orang lain, sebab jelas diterangkan di permulaan buku ini bahawa tidak ada niat dan tidak ada siapa pun yang akan rugi daripada Dasar Ekonomi Baru kita di dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua ini. Muka 2 Buku Merah ini menyatakan:

“Usaha-usaha untuk mencapai matlamat-matlamat ini akan dijalankan di dalam konteks perubahan struktur dan perkembangan ekonomi yang pesat. Ini akan menentukan bahawa tidak ada golongan mengalami apa-apa kerugian atau merasai bahawa hak mereka diketepikan dalam proses ini”.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dibaca betul-betul buku ini dari kalimat ke kalimat; tak usah sampai ke atas, pangkal-pangkal sahaja, dapat kita memahamkan diri kita sendiri bahawa kita sebenarnya hendak membentuk satu masyarakat yang adil.

Perimbangan orang di dalam bandar dengan di luar bandar yang menjadi masalah kita dahulu kalau kita sebutkan dalam bandar, dalam kota kita nampak orang-orang Cina dengan rumah-rumahnya yang tinggi-tinggi, nampak dengan sendirinya. Katakan bandar Kuala Lumpur kita nampak tulisan halianya, basnya, lorinya, teksinya, rumah berpuluh-puluh tingkat semuanya dipunyai oleh Cina, begitulah mentality orang, sekarang pun demikian. Jadi untuk menambahkan fikiran ini, janganlah orang memikirkan “Kuala Lumpur” banyak Cina. Bagaimana cara kita hendak memecahkan fahaman dan pandangan rakyat terhadap fikiran yang sedemikian? Kita harus pecahkan kedudukan ini dengan mengimbangi kedudukan Bandaraya Kuala Lumpur ini dengan masuknya orang-orang ataupun bumiputra di dalam perlumbaan di dalam bandarnya Kuala Lumpur ini, sehingga dia dapat merupakan bahawa bandarnya, Kuala

Lumpur bukan Hongkong, bukan Singapura, bukan Taipeh, bukan Formosa dan sebagainya, tetapi Kuala Lumpur ini, Kuala Lumpur yang dipunyai oleh rakyat Malaysia yang berbilang bangsa. Menghadapi proses hingga sampai kepada matlamat ini kalau hendak diharapkan orang Melayu sebatang karah untuk bergerak ke arah ini, saya rasa sampai kiamat dunia ini, datang balik ke dunia baharu tidak akan tercapai. Konsep telah diterima iaitu untuk mengatasi masalah ini harus ada badan-badan yang dipersetujui oleh Parlimen, bagi membetulkan keadaan yang pincang ini supaya Kerajaan memberikan peluang-peluang yang ada kepada warganegara yang tidak mendapat peluang-peluang ini, maka lahirlah UDA, tetapi seperti yang disebutkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Dr Mahathir walaupun UDA dilahirkan untuk mengimbangkan keadaan ini tidak akan sama dengan satu taukeh berbanding dengan UDA walaupun Kerajaan menolong menubuhkan UDA.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka patut dia pulang ke Melaka dan melihat kedudukan di Melaka. Kedudukan orang Melayu di Melaka kalau dikumpulkan semua sekali harta orang Melayu di Melaka boleh dibeli oleh seorang taukeh di Melaka, dan tidak sama harta itu dengan seorang taukeh di Melaka. Ini hal sebenarnya berlaku. Dikumpulkan harta orang Melayu di seluruh Melaka diimbangkan dengan seorang taukeh yang besar di Melaka adalah tidak sama, cuma yang beliau itu membangkitkan semalam soal yang kecil-kecil sahaja, tetapi adakah orang Melaka bangun menuntut haknya? Adakah orang Melaka memuja darah Hang Tuah, Hang Lekiu, Hang Jebat—tidak ada, dan sampai hari ini orang Melaka merasai bahawa harapan masih ada untuk masa hadapan jenerasi mereka. Itu keadaan di Melaka yang saya sebutkan, sepatutnya Ahli Yang Berhormat itu pulang ke Melaka dan bertanya kepada Ketua Menteri Melaka dan kalau beliau tidak puas dengan apa yang berlaku sekarang beliau bolehlah meminta berhenti daripada Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi mengenai masalah di Kuala Lumpur. Kalau kita bertanya kepada saudara-saudara saya orang-orang Cina, bagaimana perasaan saudara melihat

Bandaraya Kuala Lumpur? Seronok, katanya. Fasal apa seronok? Fasal bangunan-bangunan yang tinggi kami yang empunya. Kita pergi ke dalam Pasar Besar, Kota Bharu di Kelantan bertanya kepada orang Cina, apa perasaan saudara masuk ke dalam Pasar Besar di Kota Bharu? Tidak seronok. Apa fasal tidak seronok? Tidak ada orang Cina yang menjual ikan di Pasar Besar, Kota Bharu. Kelantan, hati orang Cina tidak seronok. Apa yang seronok? Mulai dari jual ikan di Kota Bharu sampai bangunan mahligai yang tinggi harus ada kepada orang-orang Cina. Kalau perasaan ini masih bernyala begitu tinggi, begitu besar, maka melahirkan suatu struktur, suatu bentuk masyarakat yang harmoni selama-lamanya tidak akan lahir, melainkan dengan sesuatu tenaga yang mamaksa, suatu cara yang memaksa yang mesti diadakan. Kalau kelahiran itu tidak boleh secara biasa, maka terpaksa di operation sekali pun Kerajaan kita sekarang ini tidak mahu melaksanakan operasi di dalam melahirkan suatu masyarakat yang adil, tetapi kita mempunyai konsep dan konsep kita itu baharu berjalan di dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Yang Kedua ini dan kita baca dan kita telaahkan hasilnya sekarang.

Apakah hasilnya sekarang ini memuaskan kita atau tidak? Apakah hasilnya sekarang ini telah dapat menuju suatu cita-cita dengan apa yang kita katakan membentuk suatu masyarakat, dia sedang menuju ke arah itu sekarang? Sekali pun dia terpaksa memakan masa yang agak lama, memakan masa yang panjang sehingga tahun 1990 misalnya baharu kita dapat melihat. Bentuk, sifat, kalau seorang ibu mengandung, kalau sebulan, dua bulan kita tidak dapat menentukan lagi sifat, enam bulan juga kita tidak tahu lagi sifat, sembilan bulan juga kita tidak tahu lagi sifat, apakah dia lelaki atau perempuan? Apakah ada dua mata, dua telinga yang cukup, kaki yang cukup, sehingga dia lahir ke dunia, baharu kita nampak bahawa dia ini cukup sifatnya ataupun tidak cukup sifatnya, sekali pun ayah dan ibunya yang empunyai anak ini, dia tidak tahu sebelum dia lahir—kita juga demikian.

Dalam tempoh yang terbatas Rancangan Malaysia Yang Kedua dan Yang Ketiga, Yang Keempat, Yang Kelima dan seterusnya merupakan rantai-rantai yang kait-mengait di antara satu dengan lain bagi melahirkan

suatu masyarakat yang adil dan harmoni di Malaysia. Apakah bentuknya masyarakat di waktu itu setelah 30 tahun atau 20 tahun misalnya? Jangan ada di antara kita memikirkan bahawa sudah ada rumah kedai yang diruntuhkan kemudian ditegakkan rumah kedai yang lain orang Melayu yang empunya. Jangan ada fikiran yang seperti itu. Apa yang kita mesti bayangkan di kepala kita di samping Sungai Wang Kompleks tertegak suatu kompleks yang dipunyai oleh UDA misalnya, oleh orang Melayu bukan meruntuhkan Sungai Wang Kompleks dan di atasnya diletakkan UDA—tidak, tidak timbul masalah itu. Jadi bentuk negara kita, masyarakat kita, ibu negara kita pada masa yang akan datang berdampingan, beriringan, berganding, megah-megah, tidak ada seorang mengatakan bagaimana perasaan saudara datang ke Kota Bharu? Dia tidak terasa tidak seronok, dia terasa seronok. Kenapa? Saya lihat orang Melayu seperti orang-orang Tionghua yang ada di Kuala Lumpur. Kalau kita bertanya kepada orang-orang Melayu di Kota Bharu, bagaimana kedudukan kalau saudara melihat keadaan di Kuala Lumpur? Oh! seronok kerana sudah ada orang-orang Melayu seperti orang Tionghua di Kuala Lumpur, di Kota Bharu dan sebagainya. Perasaan cemburu, perasaan sakit hati, balas dendam, bangkitkan itu, bangkitkan ini, percentage itu, percentage ini—tidak timbul, sebab penyakit ini belum kita ubat, penyakit yang disebutkan sekarang ini belum terubat seluruhnya. Adalah menjadi suatu perkara yang sangat mendukacitakan kalau ada di antara kita, samada Ahli Dewan Negara ini ataupun Ahli Dewan Rakyat membangkitkan masalah ini di mana mereka menganggap bahawa dasar ini merugikan mereka pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh hal-hal yang saya sebutkan itu, kerana saya katakan sekali lagi bahawa penyakit yang disebutkan di dalam Buku Merah ini masih belum dapat diubat. Tidak ada seorang pun dapat menafikan bahawa kedudukan sebahagian daripada warganegara yang terbesar di Malaysia ini duduknya di kawasan-kawasan luar kota yang tidak mendapat faedah, tidak mendapat kemudahan yang setimbal dengan saudara-saudaranya di dalam kota, atau dengan lain perkataan, orang-orang Melayu yang masih tertinggal di luar bandar, masih belum

mendapat kemudahan-kemudahan dan meninggikan taraf hidupnya sesuai dengan kemudahan itu apa yang didapati di dalam bandar.

Sekarang ini dasar Kerajaan kita hendak membandarkan luar bandar, kita hendak menjadikan orang-orang di luar bandar bukan menjadi orang bandar, tetapi membandarisasikan otaknya seperti orang bandar. Kalau dia sebagai seorang petani maka pertanian yang ada kepadanya sebagai turun-temurun itu, mestilah fikirannya bukan

saya tanam padi untuk makan, tetapi saya menanam padi untuk mencari wang, untuk jual dan dapat wang, daripada wang itu saya ulah dan saya buat kerja untuk meninggikan taraf hidup saya lebih daripada yang sudah-sudah.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, 31hb Januari, 1974.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*